KSSR

SEJARAH TAHUN 5

SEKOLAH KEBANGSAAN

SEJARAH Tahun 5

SEKOLAH KEBANGSAAN



RM9.70

ISBN 978-983-46-1883-4

B075005

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

DBP

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
KSSR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

SEJARAH Tahun 5

SEKOLAH KEBANGSAAN

PENULIS

Shakila Parween Yacob
Sivarajan a/l Ponniah
Sharifah Afidah binti Syed Hamid
Muslimin bin Fadzil

EDITOR

Siti Masni binti Kospin

ILUSTRATOR

Mohd Taib bin Supandi
Sabaruddin bin Ramli
Wan Hawari bin Wan Ismail
Mohd Hisham bin Alias

PEREKA BENTUK

Suraya binti Mohd Zain
Norhazlin binti Tohar

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KUALA LUMPUR
2019

Prelim.indd 1 6/25/15 2:59 PM

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0007

KK 9008-1211-1883-2106
ISBN 978-983-46-1883-4
Cetakan Pertama 2014
Cetakan Keenam 2019

© Dewan Bahasa dan Pustaka 2014

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Penerbit:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur.
No.Telefon: 03-21479000 (8 talian)
No. Faksmile: 03-21479643
Laman Web: http://www.dbp.gov.my

Reka Letak dan Atur Huruf:
Dawama Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Azim
Saiz Muka Taip Teks: 14 poin

Dicetak oleh:
Ultimate Print Sdn. Bhd.,
Lot 2, Jalan Sepana 15/3,
Off Persiaran Selangor, Seksyen 15,
40200 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

PENGHARGAAN

Kami merakamkan penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan tenaga dan buah fikiran dalam usaha menerbitkan buku ini. Penghargaan yang khusus kami berikan kepada:

- Jawatankuasa Kawalan Mutu,
  Dewan Bahasa dan Pustaka:
  - Dr. Mohd bin Samsudin
  - Encik Wan Nik bin Muda
  - Encik Ahmad Salehee bin Abdul
  - Encik Riduwan bin Hasan
  - Puan Noormaizurah binti Omar
  - Puan Noraini binti Awang @ Shari
- Jawatankuasa Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Pakar rujuk mata pelajaran:
  - Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Ramlah binti Adam
  - Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abdul Rahman
  - Prof. Dr. Ooi Keat Gin
  - Prof. Madya Dr. Sivachandralingam Sundara Raja
  - Prof. Madya Dr. Ismail bin Ali
- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pegawai Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Penyelaras Projek Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Organisasi/Institusi yang telah memberikan kerjasama dan membenarkan karya atau bahan terbitannya digunakan sebagai bahan pembelajaran:
  - Arkib Negara Malaysia
  - Universiti Sains Malaysia
  - Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Barathy, Kedah
  - Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kuen Cheng (1), Kuala Lumpur
  - Sekolah Kebangsaan Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur
  - Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chung Pin, Linggi, Negeri Sembilan
- Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini.

Prelim.indd 2 6/25/15 2:59 PM

KANDUNGAN

PENDAHULUAN iv - vi

TAJUK 1 WARISAN NEGARA KITA

Unit 1 : INSTITUSI RAJA TONGGAK KEDAULATAN NEGARA 1
Unit 2 : WARISAN ISLAM DI MALAYSIA 13
Unit 3 : BAHASA MELAYU WARISAN KITA 25

TAJUK 2 PERJUANGAN KEMERDEKAAN NEGARA

Unit 4 : TERGUGATNYA KEDAULATAN NEGARA 37
Unit 5 : PERJUANGAN TOKOH TEMPATAN 55
Unit 6 : LAHIRNYA SEBUAH NEGARA BAHARU 71

TAJUK 3 YANG DI-PERTUAN AGONG

Unit 7 : YANG DI-PERTUAN AGONG PAYUNG NEGARA 85

TAJUK 4 IDENTITI NEGARA KITA

Unit 8 : JATA NEGARA 101
Unit 9 : BENDERA BERKIBAR 113
Unit 10 : NEGARAKU 125
Unit 11 : BAHASA MELAYU BAHASA KEBANGSAAN 137
Unit 12 : BUNGA KEBANGSAAN 149

SENARAI RUJUKAN 161

Prelim.indd 3 6/25/15 2:59 PM

PENDAHULUAN

Buku Teks *Sejarah Tahun Lima Sekolah Kebangsaan (SK)* ditulis untuk memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan insan yang harmonis berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Penulisan buku teks ini meliputi aktiviti dalam dan luar bilik darjah yang diharapkan dapat mengintegrasikan pengetahuan dan kemahiran murid dengan elemen kewarganegaraan dan nilai sivik. Nilai ini diharapkan dapat menyediakan murid sebagai warganegara Malaysia yang memiliki jati diri, berdaya saing dan berwawasan serta menjunjung amalan demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

Penulisan buku teks ini menjadikan pembelajaran sejarah lebih menyeronokkan dengan adanya aplikasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Bagi meningkatkan daya pemikiran kritis dan inovatif dalam kalangan murid, pendekatan pembelajaran aktif melalui aktiviti didik hibur, *hands on* dan rangsangan serta penilaian turut disediakan. Terdapat juga ilustrasi berdasarkan gambaran pelukis bagi tujuan meningkatkan minat dan membantu murid menghayati ilmu sejarah dengan lebih berkesan.

Buku Teks *Sejarah Tahun Lima* merupakan kesinambungan daripada Buku Teks *Sejarah Tahun Empat*. Tema Sejarah Tahun Lima ialah Kedaulatan Negara. Tema ini merupakan aspek penting dalam pembinaan sahsiah dan jati diri murid di peringkat rendah. Terdapat empat tajuk dalam tema ini, iaitu Warisan Negara Kita, Perjuangan Kemerdekaan Negara, Yang di-Pertuan Agong dan Identiti Negara Kita.

Tajuk 1: Warisan Negara Kita

Tajuk ini memberikan pendedahan kepada murid tentang warisan negara Malaysia yang unik dan istimewa. Negara kita mempunyai banyak warisan yang diwarisi daripada Kerajaan Melayu Melaka yang kini termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia seperti institusi raja, agama Islam dan bahasa Melayu. Warisan ini mendasari asas pembinaan negara Malaysia pada masa ini.

Tajuk 2: Perjuangan Kemerdekaan Negara

Perjuangan dan pengorbanan tokoh negara menentang penjajahan dan campur tangan kuasa luar di negara kita dibincangkan dalam tajuk ini. Selain sumber inspirasi dan motivasi, penghayatan dan penghargaan kepada jasa tokoh negara dapat menimbulkan semangat patriotisme dan kewarganegaraan yang kental dalam kalangan murid di peringkat rendah.

Prelim.indd 4 6/25/15 2:59 PM

Tajuk 3: Yang di-Pertuan Agong

Semangat patriotisme dan cinta akan negara terus dipupuk melalui penghormatan dan sanjungan yang diberikan kepada institusi Yang di-Pertuan Agong yang bertindak sebagai Ketua Utama Negara. Murid didedahkan kepada cara pelantikan, alat kebesaran diraja dan bidang kuasa Raja Berperlembagaan bertujuan untuk menghargai institusi raja sebagai payung rakyat dan negara.

Tajuk 4: Identiti Negara Kita

Tajuk ini menerangkan aspek kewarganegaraan yang dijelmakan melalui lambang-lambang kenegaraan seperti Jata Negara, Bendera Kebangsaan, Lagu Kebangsaan, Bahasa Kebangsaan dan Bunga Kebangsaan. Penghayatan terhadap lambang-lambang ini dapat membentuk jati diri dan rasa bangga terhadap negara.

Empat tajuk dalam Buku Teks *Sejarah Tahun Lima* ini dibahagikan kepada 12 unit yang boleh berdiri sendiri sebagai satu modul. Setiap unit dalam buku teks ini dimulai dengan bahagian rangsangan, diikuti oleh bahagian konsep, pengukuhan, pengayaan, pemulihan dan penilaian. Pada akhir buku teks pula, terdapat senarai rujukan. Semua pembahagian ini mesra pembaca dan memudahkan guru untuk membuat persediaan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Yang berikut merupakan tujuan penyusunan tersebut.

	Set induksi untuk memulakan sesuatu unit.
	Memberikan pengetahuan awal kepada murid tentang topik yang dipelajari dalam unit tersebut.
	Berfungsi bagi mengukuhkan pemahaman murid tentang topik yang dipelajari dalam unit tersebut.
	Memberikan input yang dapat menambahkan lagi pemahaman dan penguasaan sesuatu tajuk.
	Membantu murid yang lemah supaya dapat memahami sesuatu tajuk yang dipelajari.

Prelim.indd 5 6/25/15 2:59 PM

	Menyediakan pelbagai bentuk latihan bagi mengukur kefahaman murid tentang apa yang dipelajari dalam unit tersebut.
Hands on 	Memberikan cadangan aktiviti yang boleh dilakukan oleh murid selepas mempelajari sesuatu unit bertujuan untuk mengukuhkan konsep, pengukuhan, pengayaan dan pemulihan. Aktiviti dalam bahagian ini boleh dilakukan secara berkumpulan atau individu.
TAHUKAH ANDA?	Memberikan maklumat tambahan berkaitan dengan perkara yang dipelajari.
	Membantu guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bagi setiap unit di samping penegasan untuk mencapai standard pembelajaran.
Standard Pembelajaran 	Kriteria atau petunjuk kualiti pembelajaran dan pencapaian yang diperoleh murid dalam pengajaran dan pembelajaran sesuatu tajuk.
Senarai Rujukan	Menyenaraikan rujukan yang digunakan dalam penulisan.

Buku Teks *Sejarah Tahun Lima* ini diharapkan dapat membantu dalam meningkatkan pengetahuan murid terhadap ilmu Sejarah melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan. Hal ini secara tidak langsung dapat melengkapkan pengetahuan, kemahiran dan pengamalan nilai murni serta penerapan semangat jati diri sebagai warganegara Malaysia.

Shakila Parween Yacob
Sivarajan a/l Ponniah
Sharifah Afidah binti Syed Hamid
Muslimin bin Fadzil

Prelim.indd 6 6/25/15 2:59 PM

RUKUN NEGARA

AMALAN HIDUP RAKYAT MALAYSIA

BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA MENDUKUNG CITA-CITA HENDAK:

- Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
- Memelihara satu cara hidup demokratik;
- Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak;
- Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

Maka kami, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

- **KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**
- **KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**
- **KELUHURAN PERLEMBAGAAN**
- **KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**
- **KESOPANAN DAN KESUSILAAN**



UNIT 2

Rangsangan

WARISAN ISLAM DI MALAYSIA









NOTA GURU

- Minta murid meneliti gambar di atas.

unit_02.indd 13 6/29/15 10:58 AM

Konsep

Kedatangan Islam

Agama Islam telah berkembang di negara kita sejak Zaman Kerajaan Melayu Awal seperti di Kedah Tua dan Terengganu sebelum ke Melaka. Walau bagaimanapun, sebelum kedatangan Islam, telah wujud pengaruh agama Hindu dan Buddha dalam kalangan masyarakat tempatan seperti di Lembah Bujang. Penyebaran agama Islam ini dibawa oleh para pedagang yang datang dari Arab dan Parsi. Mereka menyebarkan agama Islam ke India dan Sumatera Utara melalui jalan laut. Mereka juga menyebarkan agama Islam ke China melalui Jalan Sutera.



Kedatangan Islam ke Tanah Melayu



unit_02.indd 14 6/29/15 10:58 AM

Apabila Kesultanan Melayu Melaka berkembang, pedagang Islam telah datang berdagang dan menyebarkan Islam kepada penduduk Melaka. Kesultanan Melayu Melaka telah menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi. Kedatangan Islam ke Tanah Melayu dibuktikan melalui arkeologi dan penulisan.

Bukti Kedatangan Islam ke Tanah Melayu

Batu Bersurat di Teresat, Kuala Berang yang bertarikh 1303 M menandakan kedatangan Islam ke Terengganu.



Hukum Kanun Melaka merupakan teks pertama menggunakan Islam sebagai perundangan. Hukum Kanun Melaka menjadi contoh undang-undang Islam di negeri lain.



TAHUKAH ANDA?

- Agama Islam bermula di Semenanjung Tanah Arab sebelum tersebar ke India dan China.
- Jalan Sutera merupakan jalan perdagangan darat yang menghubungkan rantau Timur dan Barat.
- Guangzhou dikenali sebagai Canton pada abad kelapan dan merupakan pusat perdagangan penting di China.

- Senaraikan tiga negara yang dikaitkan dengan kedatangan Islam ke Tanah Melayu.
- Berikan bukti kedatangan Islam ke Tanah Melayu.

Nyatakan cara lain penyebaran agama Islam di Tanah Melayu. Persembahkan dapatan anda secara kreatif menggunakan peta pemikiran.

NOTA GURU

- Bimbing murid menggunakan glob untuk menjelaskan laluan kedatangan Islam ke Tanah Melayu.
- Minta murid menjelaskan laluan yang digunakan oleh para pedagang menggunakan glob tersebut.

6.2.1
K6.2.6

unit_02.indd 15 6/29/15 10:58 AM

Pengukuhan

Islam Agama Persekutuan



- Apakah kedudukan agama Islam dalam perlembagaan?
- Bagaimanakah anda menghormati agama lain bagi mewujudkan masyarakat yang harmoni?

unit_02.indd 16 6/29/15 10:58 AM



Secara berkumpulan, cari nilai murni dalam agama dan kepercayaan lain. Bentangkan.

NOTA GURU

- Jelaskan kedudukan agama Islam sebagai Agama Persekutuan kepada murid.
- Bantu murid mencari nilai murni dalam agama dan kepercayaan lain.

6.2.2
6.2.3
K 6.2.5
K 6.2.6

unit_02.indd 17 6/29/15 10:58 AM

Pengukuhan

Islam dan Masyarakat

Islam mengamalkan cara hidup yang harmoni pada peringkat keluarga, sekolah, masyarakat dan negara. Begitu juga dengan agama dan kepercayaan lain. Setiap individu harus melaksanakan tanggungjawab ke arah mewujudkan kehidupan yang harmoni.

Hubungan sesama manusia

Keluarga



- Saling menghormati
- Saling membantu
- Mengeratkan perhubungan

Masyarakat



- Toleransi antara kaum
- Menghulurkan bantuan
- Menziarahi jiran tetangga

Negara



- Menjaga keselamatan
- Memelihara keharmonian dan kemakmuran
- Menjamin kestabilan negara

Sekolah



- Menghormati warga sekolah
- Menjaga kebersihan sekolah
- Menceriakan sekolah

unit_02.indd 18 6/29/15 10:58 AM

Islam dan Kehidupan Bermasyarakat

Hubungan dengan haiwan



- Menyayangi
- Mengasihani
- Melindungi

Hubungan dengan alam sekitar



- Memelihara alam sekitar
- Memulihara alam sekitar
- Mengindahkan persekitaran

Mengapakah kita perlu saling menghormati?
Bagaimanakah anda menghormati warga sekolah?
Nyatakan langkah-langkah bagaimana anda memelihara dan memulihara alam sekitar.

Lakukan temu bual dengan ahli keluarga anda untuk mendapatkan maklumat cara mengeratkan hubungan dalam keluarga. Laporkan hasil temu bual tersebut.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami bagaimana setiap agama mengajar penganutnya tentang kebaikan saling menghormati.
- Minta murid menemu bual ahli keluarga mereka untuk mendapatkan penjelasan tentang kebaikan saling menghormati. Berikan tempoh masa untuk mereka menjalankan aktiviti tersebut.

6.2.3
K 6.2.5
K 6.2.6

unit_02.indd 19 6/29/15 10:58 AM

Pengayaan

Kesenian Islam

Kesenian Islam yang menjadi warisan di negara kita dapat dilihat dalam pelbagai aspek seperti seni bina, seni khat dan seni muzik. Seni bina Islam jelas dapat dilihat pada mimbar dan menara masjid seperti Masjid Putra, Putrajaya. Ukiran bercorak geometri dan flora serta tulisan khat pula dijadikan hiasan pada seni bina bangunan ini.



Masjid Putra, Putrajaya



Mimbar



Menara



Corak geometri



Corak flora

Selain Masjid Putra, seni bina Islam juga dapat dilihat pada Istana Terengganu di Terengganu dan Bangunan Dewan Undangan Negeri di Kuching, Sarawak.



Istana Terengganu



Bangunan Dewan Undangan Negeri, Sarawak

unit_02.indd 20 6/29/15 10:58 AM

Seni khat merupakan kemahiran menulis tulisan Arab atau tulisan Jawi dengan gaya yang menarik dan menghasilkan tulisan yang indah. Seni khat banyak digunakan pada reka bentuk grafik seperti logo, corak dan ukiran pada barang perhiasan, senjata dan kad ucapan.





Seni khat pada perhiasan



Alat muzik Islam

Selain seni bina dan seni khat, terdapat seni muzik Islam. Antara alat muzik yang digunakan dalam seni muzik Islam ialah kompang dan gambus.

TAHUKAH ANDA?

- Mimbar ialah tempat untuk menyampaikan khutbah di dalam masjid.
- Alatan yang digunakan dalam penulisan khat ialah kertas, dakwat, pena buluh atau pena besi dan pensel khat.
- Seni khat merupakan seni kaligrafi Islam.

Apakah ciri-ciri kesenian Islam yang terdapat pada sesebuah bangunan?
Secara berkumpulan, cadangkan langkah-langkah bagi mengekalkan kemahiran menulis khat.

Secara berkumpulan, reka cipta sebuah model bangunan bercirikan seni bina Islam.

NOTA GURU

- Jelaskan kesenian Islam di Malaysia kepada murid.
- Bimbing murid mereka cipta model bangunan bercirikan seni bina Islam.
- Galakkan murid mereka cipta perhiasan yang mempunyai kesenian Islam.

6.2.4
K6.2.7

unit_02.indd 21 6/29/15 10:58 AM

Pemulihan

Roda Warisan

Cara Menjalankan Aktiviti

1. Aktiviti ini dijalankan secara berkumpulan.
2. Giliran kumpulan ditentukan menggunakan cabutan undi.
3. Wakil kumpulan pertama akan memutar roda dan menjawab soalan yang berhenti pada penanda.
4. Markah penuh akan diberikan jika jawapannya betul. Jika jawapannya salah, soalan akan dibuka kepada kumpulan lain yang lebih cepat menjawab. Jika jawapannya betul, markah akan diberikan separuh daripada jumlah markah yang diberikan.
5. Aktiviti ini diteruskan mengikut langkah seperti di atas.
6. Kumpulan yang mendapat markah paling tinggi akan menjadi pemenang.







NOTA GURU

- Sediakan alatan yang sesuai bagi aktiviti roda warisan.
- Sediakan soalan lain yang sesuai jika perlu.

unit_02.indd 22 6/29/15 10:58 AM

Penilaian

Fikir dan Jawab

A. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Kesultanan Melayu Melaka	Jawi	China	pena besi
keharmonian	Islam	rasmi	Perlembagaan
kemakmuran	perdagangan	alam sekitar	geometri
Menara			

1. Ukiran dalam seni bina Islam menggunakan corak _____ dan flora.
2. _____ ialah contoh seni bina Islam.
3. Penyebaran Islam ke Tanah Melayu melalui jalan laut hasil daripada aktiviti _____.
4. Seni khat merupakan seni kaligrafi yang menggunakan tulisan _____.
5. Penulis khat menggunakan pena buluh atau _____ sebagai alat untuk menulis khat.
6. Menurut _____ Persekutuan Malaysia, agama Islam ialah Agama Persekutuan.
7. Menurut Islam, kehidupan masyarakat melibatkan hubungan dengan manusia, _____ dan haiwan.
8. Sejarah kedatangan _____ ke Tanah Melayu dikaitkan dengan negara Arab, _____ , India dan Sumatera Utara.
9. Pada Zaman _____, agama Islam dijadikan sebagai agama _____ .
10. Islam memelihara _____dan _____ negara.

NOTA GURU

- Aktiviti ini boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan, atau dijadikan sebagai kuiz.

unit_02.indd 23 6/29/15 10:58 AM

Penilaian

Fikir dan Jawab

B. Jawab soalan dengan betul.

1. Kerajaan Melayu Awal yang menerima agama Islam ialah _____ dan Kedah Tua.
   a Sumatera Utara b Terengganu c Melaka

2. Hukum Kanun Melaka ialah perundangan yang berteraskan _____.
   a Islam b Buddha c Kristian

3. Menurut Perlembagaan Persekutuan Malaysia, agama Islam ialah Agama _____.
   a Rasmi b Persekutuan c Utama

4. Sejarawan membuktikan kedatangan Islam ke Tanah Melayu melalui bukti _____ dan penulisan.
   a arkeologi b rakaman c lisan

5. Sifat _____ dan saling menghormati penting bagi memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.
   a keberanian b toleransi c bijaksana

6. Nilai tolong-menolong dan ziarah-menziarahi adalah antara nilai yang dituntut oleh Islam dalam perhubungan dengan _____ .
   a alam sekitar b masyarakat c haiwan

7. Kesenian Islam dapat dilihat pada _____ bangunan dan seni muzik.
   a seni bina b ketinggian c bentuk

8. Ciri seni bina Islam seperti corak geometri dan seni khat dapat dilihat pada bahagian bangunan misalnya pada _____.
   a tangga b anjung c mimbar

9. Seni khat juga dikenali sebagai _____
   a karikatur b flora c kaligrafi

10. Pena buluh, pena besi dan _____ khat digunakan dalam penulisan khat.
    a pensel b kertas c cop

NOTA GURU
- Bantu murid menjawab soalan.
- Bimbing murid merumuskan warisan Islam di negara kita.

unit_02.indd 24 6/29/15 10:58 AM

UNIT 11

Rangsangan

BAHASA KEBANGSAAN



NOTA GURU

- Bimbing murid mengkaji maklumat yang terdapat pada poster.
- Bantu murid mengenal pasti kepentingan maklumat tersebut.

unit_11.indd 137 6/29/15 11:07 AM

Konsep

Sejarah Perkembangan Bahasa Kebangsaan

Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan negara kita. Pada peringkat awal kedatangan British, bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa perantaraan, pentadbiran, kesusasteraan dan ilmu. Pada masa tersebut, bahasa Melayu digunakan di jabatan-jabatan kerajaan. Pegawai-pegawai British yang bertugas di Negeri-negeri Melayu dikehendaki mempelajari dan lulus dalam peperiksaan bahasa Melayu. Semasa pentadbiran British, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu telah digunakan dalam pentadbiran dan pendidikan.

Para wartawan, sasterawan, budayawan, guru-guru dan nasionalis telah berjuang untuk memartabatkan bahasa Melayu. Pelbagai usaha telah dilakukan untuk mendaulatkan dan mengembangkan bahasa Melayu. Antaranya ialah peranan tulisan Jawi, penubuhan Pejabat Karang-Mengarang dan Angkatan Sasterawan 50.

1. Peranan Tulisan Jawi

- Pengenalan tulisan Jawi sebagai tulisan bahasa Melayu bagi menyebarkan dakwah Islam.
- Penulisan kitab-kitab dalam bahasa Melayu menggunakan tulisan Jawi sebagai alat menyebarkan ilmu.
- Hasil penulisan kreatif seperti novel *Faridah Hanum* karya Syed Syeikh Al-Hadi.



Syed Syeikh Al-Hadi

- Namakan tokoh-tokoh yang terlibat dalam memartabatkan kedudukan bahasa Melayu.
- Cadangkan usaha-usaha anda untuk memartabatkan bahasa Melayu.

unit_11.indd 138 6/29/15 11:07 AM

2. Peranan Akhbar

- Membangkitkan kesedaran untuk memajukan diri dalam kalangan orang Melayu dalam bidang pendidikan, ekonomi, dan gerakan nasionalisme.
- Meminta sukatan pelajaran di sekolah Melayu dipertingkatkan.
- Meminta pengajaran bahasa Inggeris di sekolah Melayu.
- Menggalakkan pendidikan untuk anak perempuan.



Akhbar Al-Imam

3. Penubuhan Pejabat Karang-Mengarang

- Ditubuhkan pada 1924 di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI), Tanjung Malim, Perak.
- Diketuai oleh Zainal Abidin bin Ahmad (Zaaba).
- Menerbitkan buku terjemahan daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu untuk kegunaan sekolah.



Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI)

4. Penubuhan Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50)

- Ditubuhkan di Singapura pada tahun 1950.
- Matlamatnya untuk mengembangkan bahasa dan kesusasteraan Melayu.
- Mencadangkan penubuhan Balai Pustaka (kini Dewan Bahasa dan Pustaka) dan bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di sekolah.

5. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

- Ditubuhkan pada tahun 1956.
- Matlamatnya untuk mengembangkan bahasa dan sastera Melayu.
- Mencipta istilah dalam pelbagai bidang ilmu.

Dengan menggunakan pelbagai sumber, cari maklumat tentang tokoh yang memperjuangkan bahasa Melayu.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami sejarah perkembangan bahasa Melayu.

9.4.3
K9.4.4
K9.4.5

unit_11.indd 139 6/29/15 11:07 AM

Pengukuhan



Bahasa Kebangsaan di Negara Kita

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Dasar ini telah diteruskan apabila Malaysia dibentuk pada tahun 1963. Perkara 152 dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia menjelaskan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

"Perkara 152 - Bahasa Kebangsaan

1. Bahasa Kebangsaan adalah Bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dengan apa-apa tulisan sebagaimana yang diperintahkan dengan undang-undang oleh Parlimen:

Dengan syarat bahawa-

(a) tiada sesiapa pun boleh dilarang atau ditahan daripada menggunakan (bagi apa-apa maksud, lain daripada maksud rasmi), atau daripada mengajar atau belajar apa-apa bahasa lain;"

Penggunaan satu bahasa kebangsaan dapat memupuk semangat patriotisme dan jati diri bangsa. Oleh itu, sebagai rakyat Malaysia kita mesti yakin dan bangga menggunakan bahasa kebangsaan dalam pertuturan dan penulisan.

Pada pandangan anda, mengapakah bahasa lain boleh dipelajari dan dikembangkan?



Secara berpasangan, senaraikan urusan rasmi yang menggunakan bahasa kebangsaan. Bincangkan.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami kedudukan bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
- Bersama-sama murid, bincangkan hasil dapatan mereka tentang urusan rasmi yang menggunakan bahasa Melayu.

9.4.1
9.4.2
K9.4.5

unit_11.indd 140 6/29/15 11:07 AM

Pengukuhan

Peranan Bahasa Kebangsaan

Bahasa kebangsaan mempunyai pelbagai peranan untuk membangunkan negara.



Jelaskan peranan bahasa kebangsaan dalam memajukan negara.

Cari gambar yang menunjukkan peranan bahasa kebangsaan dalam memajukan negara. Hasilkan album bermaklumat.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami peranan bahasa kebangsaan dalam membangunkan negara.

9.4.1
9.4.2
K9.4.5

unit_11.indd 141 6/29/15 11:07 AM

Pengayaan

Dasar Negara Memartabatkan Bahasa Kebangsaan

Pelbagai langkah telah diambil untuk memartabatkan bahasa kebangsaan. Usaha yang berterusan ini dapat memperkasakan jati diri bangsa Malaysia.

Peranan Negara



Tun Abdul Razak, pengasas sistem pendidikan kebangsaan



Abdul Rahman Talib, Menteri Pelajaran



- Penyata Razak 1956 menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar di sekolah kebangsaan.
- Penyata Rahman Talib 1960 telah menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar di sekolah dan universiti.
- Akta Bahasa Kebangsaan 1967.



Pada tahun 1970, Universiti Kebangsaan Malaysia telah ditubuhkan untuk menunjukkan bahasa kebangsaan menjadi bahasa ilmu.





Pada tahun 1990, bahasa kebangsaan mula digunakan di mahkamah.





Pada tahun 2012, kerajaan memperkenalkan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia, Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).



unit_11.indd 142 6/29/15 11:07 AM

Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) memainkan peranan yang besar sejak merdeka untuk memajukan bahasa kebangsaan melalui pengembangan bahasa dan sastera, penyebaran ilmu, sains dan teknologi. Sepanjang penubuhannya, DBP telah menjalankan langkah-langkah seperti yang berikut.





- Mengembangkan bahasa kebangsaan
- Menerbitkan buku
- Melahirkan istilah dan glosari
- Menjadi penasihat dalam memastikan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul dalam semua urusan
- Mengadakan program pengembangan bahasa



Mengadakan sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan pada setiap bulan Oktober. Sambutan ini adalah untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan dalam kalangan masyarakat.



Senaraikan usaha kerajaan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan.
Mengapakah kita mesti memartabatkan bahasa kebangsaan?

Cari tema-tema bulan bahasa kebangsaan yang lalu. Hasilkan poster dan pamerkan di Sudut Sejarah.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami usaha kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

9.4.3
K9.4.4
K9.4.5

unit_11.indd 143 6/29/15 11:07 AM

Pengayaan

Bahasaku Kebanggaanku

Slogan "Bahasa Jiwa Bangsa" melambangkan peribadi yang mulia. Pembentukan peribadi yang mulia bermula daripada tutur kata. Semasa berkomunikasi, susun atur bahasa yang diungkap mencerminkan peribadi kita.

Situasi 1



unit_11.indd 144 6/29/15 11:07 AM

Situasi 2



Situasi 3



Apakah faedah jika kita berkomunikasi menggunakan tutur kata yang baik?

Penggunaan bahasa kebangsaan dapat menyatupadukan murid semasa aktiviti kokurikulum di sekolah. Bincangkan.

NOTA GURU

- Jelaskan kepentingan bertutur dalam bahasa kebangsaan kepada murid.
- Bimbing murid melakonkan dialog di atas. Galakkan mereka menggunakan situasi lain yang sesuai.

9.4.2
9.4.3
K9.4.5

unit_11.indd 145 6/29/15 11:07 AM

Pemulihan

Bahasa Jiwa Bangsa

Bahasa Jiwa Bangsa

Gunakanlah Bahasa Kebangsaan Kita
Marilah Amalkan Ramai-ramai
Bahasalah Menyatukan Kita Semua
Yakinlah Bahasa Jiwa Bangsa

Marilah Mari Rakyat Semua
Buktikan Taat Setia dengan Satu Bahasa
Maju Bangsa dan Maju Negara
Megahkan Bahasa Kita
Bahasa Jiwa Bangsa

Lagu/Seni kata: Dol Ramli



Dol Ramli



- Apakah nilai-nilai murni yang terdapat dalam lagu tersebut?
- Ulas lirik "Yakinlah Bahasa Jiwa Bangsa"

Nyanyikan lagu *Bahasa Jiwa Bangsa* dengan irama yang betul.

NOTA GURU

- Bimbing murid menyanyikan lagu tersebut dengan irama yang betul.

9.4.2
9.4.3
K9.4.4
K9.4.5
K9.4.6

unit_11.indd 146 6/29/15 11:07 AM

Penilaian

Fikir dan Jawab

A. Jawab soalan berikut dengan betul.

1. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah meletakkan bahasa Melayu sebagai _____.
2. Bahasa Melayu menjadi _____ kerana mudah difahami.
3. Kita mesti yakin dan _____ menggunakan bahasa kebangsaan dalam pertuturan dan _____.
4. Bahasa kebangsaan mesti digunakan dalam _____ seperti mesyuarat dan taklimat.
5. Bahasa kebangsaan mula digunakan di _____ pada tahun 1990.
6. _____ menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah kebangsaan.
7. _____ menerbitkan buku yang diterjemahkan dalam bahasa Melayu.
8. Bahasa Melayu terbukti mampu menjadi _____ dengan penubuhan _____.
9. _____ ditubuhkan untuk mengembangkan bahasa Melayu.
10. _____ disambut pada bulan _____ setiap tahun.

mahkamah

urusan rasmi

Penyata Razak 1956

bahasa kebangsaan

bangga

bahasa perdagangan

Universiti Malaya

Bulan Bahasa Kebangsaan

Oktober

bahasa ilmu

Universiti Kebangsaan Malaysia

Dewan Bahasa dan Pustaka

bahasa perhubungan

Pejabat Karang-Mengarang

Bahasa Sastera

penulisan

Bahasa Jiwa Bangsa

NOTA GURU

- Bimbing murid menjawab soalan.

unit_11.indd 147 6/29/15 11:07 AM

Penilaian

Fikir dan Jawab

A. Lengkapkan silang kata di bawah.

Kenali Bahasa Melayu





Menegak

1. Bahasa kebangsaan digunakan dalam urusan _____.
2. Bahasa kebangsaan dapat mewujudkan _____.
3. Melalui bahasa kebangsaan, semangat _____ diri bangsa dapat diwujudkan.
4. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh _____ untuk memartabatkan bahasa Melayu.
5. Bahasa _____ menjadi bahasa pengantar dalam bidang pendidikan.

Melintang

6. Penggunaan bahasa yang baik semasa berkomunikasi melambangkan _____ kita.
7. Sambutan _____ bahasa diadakan pada setiap bulan Oktober setiap tahun.
8. Kita mesti berasa bangga menggunakan bahasa kebangsaan dalam kehidupan _____.
9. Bahasa Melayu, Bahasa _____ kita.
10. Bahasa Melayu mampu menjadi bahasa _____.

NOTA GURU

- Minta murid menjawab soalan.
- Bimbing murid merumuskan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

unit_11.indd 148 6/29/15 11:07 AM

Tajuk 1: Warisan Negara Kita

UNIT 1

Rangsangan

INSTITUSI RAJA TONGGAK KEDAULATAN NEGARA



NOTA GURU

- Minta murid meneliti gambar di atas dan menceritakannya.

unit_01.indd 1 6/25/15 2:59 PM

Konsep

Raja dan Kerajaan

Institusi raja di negara kita telah wujud sejak Zaman Kerajaan Melayu Awal dan diwarisi sehingga kini. Sultan atau Raja merupakan ketua kerajaan yang berkuasa ke atas rakyat dan kerajaannya. Sultan menduduki tempat tertinggi dalam sistem pemerintahan. Baginda juga merupakan payung kepada rakyat. Walau bagaimanapun, kuasa Sultan mengalami beberapa perubahan dari semasa ke semasa. Oleh itu, sebagai rakyat kita harus mempertahankan warisan ini demi kemakmuran dan kesejahteraan negara kita.



Sistem Pemerintahan Pada Zaman Kerajaan Melayu Awal

- Sultan ialah ketua kerajaan.
- Sultan berkuasa mutlak.
- Semua keputusan berkaitan undang-undang dan pentadbiran terletak di tangan Sultan.

Sistem Pemerintahan Semasa Pentadbiran British

- Institusi raja dikekalkan dengan Sultan sebagai ketua negeri.
- Sultan hanya merupakan ketua agama Islam dan adat istiadat bagi negerinya.
- British menjadi penasihat kepada Sultan di setiap negeri dalam hal-ehwal pentadbiran.



unit_01.indd 2 6/25/15 2:59 PM

Sistem Pemerintahan Pada Masa Kini

- Wujudnya institusi Yang di-Pertuan Agong.
- Kuasa Yang di-Pertuan Agong, atau Sultan tertakluk di bawah Perlembagaan Persekutuan atau Negeri.
- Pentadbiran negara diuruskan oleh Perdana Menteri.
- Pentadbiran kerajaan negeri diuruskan oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri.



TAHUKAH ANDA?

- Kerajaan pada masa dahulu bermaksud negeri yang diketuai oleh Raja.
- Institusi raja ialah satu sistem pemerintahan yang memartabatkan Sultan atau Raja sebagai ketua negeri.
- Warisan ialah sesuatu yang diwarisi.

Ceritakan bidang kuasa Sultan pada Zaman Kerajaan Melayu Awal, semasa Pentadbiran British dan pada masa kini.
Mengapakah kita perlu mempertahankan institusi raja?

Dengan menggunakan pelbagai sumber, cari maklumat Sultan negeri-negeri di Malaysia.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami maksud Raja, Sultan dan kerajaan.
- Jelaskan kedudukan dan bidang kuasa Sultan kepada murid.

6.1.1
6.1.3
K6.1.6

unit_01.indd 3 6/25/15 2:59 PM

Pengukuhan

Rajaku Berdaulat

Murid-murid kelas 5 Intan telah mengikuti rombongan sekolah ke Muzium Diraja. Banyak maklumat tentang Raja yang diperoleh oleh mereka.



unit_01.indd 4 6/25/15 2:59 PM

Petikan daripada *Sejarah Melayu* tentang waadat yang menunjukkan taat setia antara Demang Lebar Daun yang mewakili rakyat dengan Sang Sapurba yang mewakili Raja.

Maka sembah Demang Lebar Daun,'Janji yang mana itu,Tuanku?' Maka titah Sang Sapurba,'Hendaklah pada akhir zaman kelak anak cucu bapa hamba jangan durhaka pada anak cucu kita, jikalau ia zalim dan jahat pekerti sekalipun'.

Maka sembah Demang Lebar Daun, 'Baiklah, Tuanku. Tetapi jikalau anak buah Tuanku dahulu mengubahkan dia, maka anak cucu patik pun mengubahkanlah'.

Maka titah Sang Sapurba,'Baiklah, kabullah hamba akan waadat itu'.

Sejarah Melayu (W. G. Shellabear, 1992:20)

Maksud waadat antara Demang Lebar Daun dengan Sang Sapurba ialah rakyat perlu memberikan taat setia sepenuhnya kepada Raja. Raja hendaklah mentadbir dengan adil dan saksama.

TAHUKAH ANDA?

- Waadat bermaksud perjanjian.

Ceritakan cara anda mentaati keluarga dan guru.

Pada pendapat anda, mengapakah konsep daulat dan derhaka penting dalam institusi raja?

NOTA GURU

- Jelaskan konsep daulat dan derhaka kepada murid.
- Bimbing murid memahami kepentingan taat setia kepada Raja.
- Adakan lawatan ke muzium negeri atau Muzium Diraja untuk memahami konsep daulat dan derhaka.

6.1.2
K6.1.5

unit_01.indd 5 6/25/15 2:59 PM

Pengayaan

Ketua Negeriku



Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895

Terdapat sembilan buah negeri yang mengekalkan institusi raja di negara kita. Kedudukan Sultan sebagai ketua negeri sangat jelas dalam Undang-undang Tubuh setiap negeri. Contohnya Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor. Kedudukan baginda sebagai ketua negeri penting bagi memastikan perpaduan rakyat serta keamanan dan keharmonian negara. Yang berikut merupakan gelaran ketua negeri bagi negeri yang mengekalkan institusi raja.

TAHUKAH ANDA?

- Undang-undang Tubuh ialah perlembagaan bagi setiap negeri.
- Bagi Negeri Sembilan, rajanya bergelar Yang di-Pertuan Besar atau Yamtuan Besar.
- Bagi negeri Pulau Pinang, Melaka, Sarawak dan Sabah yang tidak mempunyai Sultan, ketua negerinya ialah Yang di-Pertua Negeri.
- Ketua negeri bagi Wilayah Persekutuan ialah Yang di-Pertuan Agong.

Negeri	Gelaran
Perlis	Raja
Kedah	Sultan
Perak	Sultan
Selangor	Sultan
Negeri Sembilan	Yang di-Pertuan Besar
Johor	Sultan
Pahang	Sultan
Terengganu	Sultan
Kelantan	Sultan

Hasilkan model mobail bagi menghargai ketua negeri anda.
Contoh:

Alatan



Cara Membuat

Potong kertas keras mengikut bentuk yang disukai. Tebuk lubang pada bentuk tersebut untuk dimasukkan benang.



unit_01.indd 6 6/25/15 2:59 PM

Sebagai rakyat, kita harus berasa bangga dengan institusi raja yang merupakan warisan negara kita. Oleh itu, kita perlu menghargainya. Pelbagai cara boleh kita lakukan untuk menghargai institusi raja.

Menghargai Institusi Raja



1 Meraikan Hari Keputeraan Sultan



2 Mengisytiharkan Bandar Diraja



3 Melantik Sultan sebagai Canselor Universiti



4 Menamai masjid, jalan, bangunan, lapangan terbang, sekolah, hospital dan jambatan bersempena dengan nama Sultan dan Permaisuri

Mengapakah kita perlu menghargai institusi raja? Nyatakan cara anda menghargai institusi raja.





2 Warnakan kertas keras dan lekatkan gambar.

Mobail yang telah siap. 3



NOTA GURU

- Jelaskan kedudukan Sultan sebagai ketua negeri pada masa ini kepada murid.
- Bimbing murid memahami gelaran institusi raja di Malaysia seperti Raja, Sultan dan Yamtuan Besar.
- Bantu murid menghasilkan mobail penghargaan kepada ketua negeri mereka secara kreatif.

6.1.3
K6.1.5

unit_01.indd 7 6/25/15 2:59 PM

Pengayaan

Institusi Raja di Asia

Institusi raja merupakan warisan turun-temurun dan lambang perpaduan negara. Selain Malaysia, terdapat beberapa negara lain di Asia yang masih mengekalkan institusi raja. Sebagai ketua negara, Raja-raja ini amat disanjung dan dihormati oleh rakyat mereka.



Istana Negara, Malaysia



Istana Chitralada, Thailand



Negara	Gelaran Ketua Negara
Malaysia	Yang di-Pertuan Agong
Arab Saudi	Raja
Thailand	Raja
Jepun	Maharaja
Kemboja	Raja
Brunei	Sultan

Negara di Asia yang Mengekalkan Institusi Raja

TAHUKAH ANDA?

- Istana ialah kediaman rasmi Raja bagi sesebuah negara.
- Istana merupakan lambang kemegahan dan simbol budaya setiap negara.

unit_01.indd 8 6/25/15 2:59 PM





Istana Negara, Kemboja



Istana Negara, Jepun



Istana Nurul Iman, Brunei

Nyatakan negara di Asia yang mempunyai institusi raja.

Cari negara-negara lain di dunia yang mengamalkan institusi raja. Bentangkan dapatan anda menggunakan peta.

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenali institusi raja yang masih terdapat di Asia.
- Bantu murid mencari negara lain yang masih mengamalkan institusi raja.

6.1.4
K6.1.6
K6.1.7

unit_01.indd 9 6/25/15 2:59 PM

Pemulihan

Kesetiaan kepada Raja

Yang di-Pertuan Agong dan Sultan merupakan pemimpin yang harus dihormati dan dihargai. Sebagai rakyat, kita patut memberikan taat setia kepada baginda sebagai pemimpin.



Perdana Menteri mengangkat sumpah taat setia di hadapan Yang di-Pertuan Agong.



Mengibarkan bendera semasa menyambut Hari Keputeraan Sultan.



Sultan memeriksa barisan kehormat pasukan askar.



Bendera negeri dikibarkan separuh tiang sebagai tanda berkabung atas kemangkatan Sultan.

- Berikan contoh lain yang melambangkan kesetiaan kepada Sultan.
- Ceritakan cara anda membuat persiapan untuk menyambut keberangkatan Sultan ke sekolah anda.

Tulis aku janji diri untuk menunjukkan kesetiaan kepada sekolah.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami kepentingan taat setia kepada Raja dan negara.
- Jelaskan cara untuk mengekalkan kesetiaan kepada Raja dan negara kepada murid.
- Bantu murid menulis aku janji dan galakkan mereka mematuhinya.

6.1.3
K6.1.5
K6.1.7

unit_01.indd 10 6/25/15 2:59 PM

Penilaian

Fikir dan Jawab

A. Padankan pernyataan di bawah.

Daulat	Ketua negeri, ketua agama Islam, ketua adat istiadat dan simbol kedaulatan
Derhaka	Istana Nurul Iman
Peranan Sultan	Menduduki tempat tertinggi dalam sistem pemerintahan
Kedudukan Sultan	Melambangkan kekuasaan dan keagungan Sultan
Negeri di Malaysia yang mempunyai institusi raja	Menyambut Hari Keputeraan Sultan
Cara menghargai institusi raja	Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang Terengganu dan Kelantan
Istana negara Brunei	Ingkar perintah Raja
Negara di Asia yang mengamalkan institusi raja	Malaysia, Jepun, Thailand, Brunei, Arab Saudi dan Kemboja

NOTA GURU

- Bimbing murid memadankan pernyataan dengan jawapan yang betul.

unit_01.indd 11 6/25/15 2:59 PM

Penilaian

Fikir dan Jawab

B. Lengkapkan pernyataan di bawah mengikut kategori yang betul.

Payung Negara

Ketua Agama Islam

Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah

Lambang Perpaduan

Ketua Negara

Simbol Kedaulatan

Hospital Tengku Ampuan Rahimah

Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Bangunan Sultan Abdul Samad

Kedudukan dan Peranan Institusi Raja

1
2
3
4
5

Penghormatan kepada Institusi Raja

1
2
3
4
5



NOTA GURU

- Minta murid melengkapkan pernyataan mengikut kategori yang betul.
- Bimbing murid merumuskan institusi raja di Malaysia sebagai warisan negara.

unit_01.indd 12 6/25/15 2:59 PM

UNIT 3

BAHASA MELAYU WARISAN KITA

Rangsangan



Bahasa Melayu Warisan Negara

Bahasa Melayu diberi nama
Zaman-berzaman warisan negara
Asalku dari rumpun Austronesia
Mengembara jauh ke seluruh dunia

Aku bertakhta di bumi Melaka
Berkembang menjadi *lingua franca*
Pentingnya aku dalam negara
Ilmu dan perundangan aku diguna

Kini aku diberi cabaran
Dalam pentadbiran aku berperanan
Membentuk jati diri setiap insan
Kekal teguh ke akhir zaman



NOTA GURU

- Minta murid mendeklamasikan sajak di atas secara kreatif.
- Bimbing murid memahami sajak tersebut.

unit_03.indd 25 6/25/15 3:35 PM

Konsep

Asal Usul Bahasa Melayu

Bahasa Melayu yang berasal daripada rumpun Austronesia merupakan antara 200 bahasa yang dipertuturkan di Kepulauan Melayu. Sifat bahasa Melayu yang sederhana dan mudah menerima unsur luar menjadikan bahasa Melayu sebagai satu bahasa yang terkenal di dunia.



Asal Usul Perkembangan Bahasa Melayu

Mengapakah bahasa Melayu terkenal di dunia?

Cari sebuah cerita rakyat yang berasal dari Kepulauan Melayu. Ceritakan.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami asal usul bahasa Melayu.
- Minta murid menyampaikan cerita rakyat yang berasal dari Kepulauan Melayu.

6.3.1
K6.3.4

unit_03.indd 26 6/25/15 3:35 PM

Konsep



Pengaruh Bahasa Lain dalam Bahasa Melayu

Pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka, bahasa Melayu telah berkembang sebagai *lingua franca*. Kedatangan Islam yang memperkenalkan tulisan Jawi telah memperkasakan bahasa Melayu dengan perbendaharaan kata bahasa Arab. Kedatangan pengaruh Eropah pula telah memperkaya bahasa Melayu. Pada hari ini, bahasa Melayu mempunyai kosa kata daripada bahasa Sanskrit, Arab, Portugis, Belanda, Inggeris, Cina dan Tamil.

Pengaruh Bahasa Asing			Bahasa Melayu Moden
Sanskrit	:	Rajha Nagara Dewa	Raja Negara Dewa
Arab	:	Halal Akhbar	Halal Berita, surat khabar
Portugis	:	Alamario Sapato	Almari Sepatu
Belanda	:	Laatje Balkon	Laci Balkoni
Inggeris	:	Stamp Taxi Class	Setem Teksi Kelas
Cina	:	Laici Kongsi	Laici Kongsi
Tamil	:	Kappal Ayyaa	Kapal Ayah

Bagaimanakah bahasa asing membantu memperkasakan dan memperkaya bahasa Melayu?

TAHUKAH ANDA?

- *Lingua franca* bermaksud bahasa perantaraan dan perhubungan antara masyarakat yang berlainan bahasa.



Dengan menggunakan pelbagai sumber, cari dan senaraikan kosa kata bahasa Melayu yang asli. Bentangkan dapatan anda.

NOTA GURU

- Bantu murid mencari kosa kata bahasa Melayu yang asli.

6.3.1
K6.3.4

unit_03.indd 27 6/25/15 3:35 PM

Pengukuhan

Bahasa Melayu sebagai *Lingua Franca*

Bahasa Melayu sebagai *lingua franca* berperanan sebagai bahasa perdagangan, perhubungan, pentadbiran, perundangan, ilmu dan persuratan. Sehingga kini, bahasa Melayu terus digunakan dalam bidang-bidang tersebut dan menjadi salah satu warisan kebanggaan negara.

Peranan Bahasa Melayu



Bahasa Perdagangan

Bahasa Melayu sebagai bahasa perdagangan telah berperanan memudahkan pedagang dalam urusan jual beli. Pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka, terdapat 84 bahasa dipertuturkan di Pelabuhan Melaka.

Bahasa Perhubungan

Bahasa Melayu digunakan dalam perhubungan antara kerajaan Melayu dengan kerajaan luar. Contohnya, surat Sultan Kelantan kepada Wright William Duff, 1900-1901.





Bahasa Pentadbiran

Bahasa Melayu digunakan dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka.

unit_03.indd 28 6/25/15 3:35 PM

Bahasa Perundangan

Bahasa Melayu digunakan dalam Hukum Kanun Melaka. Hukum ini menjadi panduan penting dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka.





Bahasa Ilmu

Golongan ulama menyampaikan ilmu agama kepada Raja-raja Melayu di istana dalam bahasa Melayu.

Bahasa Persuratan

Bahasa Melayu sebagai bahasa persuratan jelas terlihat pada karya-karya yang dihasilkan. Contohnya *Tuhfat Al-Nafis* oleh Raja Ali Haji pada tahun 1885 tentang Kesultanan Johor Riau.



Senaraikan peranan bahasa Melayu pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka.
Nyatakan kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Secara berkumpulan, senaraikan cara untuk mengekalkan bahasa Melayu sebagai warisan kebanggaan negara. Dengan menggunakan peta pemikiran, bentangkan dapatan kumpulan anda.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami bahasa Melayu sebagai *lingua franca*.
- Bantu murid membuat peta pemikiran tentang cara mengekalkan bahasa Melayu sebagai warisan kebanggaan negara.

6.3.2
K6.3.4
K6.3.5
K6.3.6

unit_03.indd 29 6/25/15 3:35 PM

Pengayaan

Perkembangan Bahasa Melayu

Pada Zaman Kerajaan Melayu, bahasa Melayu telah digunakan sebagai bahasa perantaraan antara Raja-raja Melayu dengan negara luar. Contohnya Surat Sultan Kedah, iaitu Sultan Muhammad Jewa kepada seorang pedagang British.





Kandungan surat menyatakan bahawa Sultan Muhammad Jewa dan pedagang British telah bersetuju untuk bekerjasama.

Surat Sultan Muhammad Jewa

Bahasa Melayu terus digunakan sebagai bahasa pentadbiran dan perhubungan oleh kerajaan-kerajaan Melayu walaupun British menggunakan bahasa Inggeris dalam pentadbiran.

TAHUKAH ANDA?

- Saudagar British yang berdagang di Negeri-negeri Melayu harus mengetahui bahasa Melayu dan tulisan Jawi.

- Mengapakah surat-surat daripada Raja-raja Melayu menggunakan bahasa Melayu?

Dengan melayari Internet, cari surat daripada Raja-raja Melayu kepada negara luar. Pamerkan.

NOTA GURU

- Jelaskan penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai bidang kepada murid.

6.3.2
K6.3.4
K6.3.5
K6.3.6

unit_03.indd 30 6/25/15 3:35 PM

Pengayaan

Bahasa Melayu Bahasa Ilmu

Bahasa Melayu terus berkembang menjadi bahasa pengantar dalam bidang pendidikan. Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1956 merupakan usaha yang penting untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu di negara kita.

Pada peringkat antarabangsa pula, bahasa Melayu turut dipelajari di beberapa buah negara lain di dunia.



Beijing Foreign Studies University (BFSU), China



School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London, United Kingdom



Leiden University, Belanda



Senaraikan cara mengekalkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Secara berkumpulan, cari institusi pengajian tinggi lain di dunia yang menawarkan pengajian bahasa Melayu. Bentangkan dapatan kumpulan anda.

NOTA GURU

- Bantu murid mencari institusi lain di dunia yang menawarkan pengajian bahasa Melayu.

6.3.2
K6.3.4
K6.3.5
K6.3.6

unit_03.indd 31 6/25/15 3:35 PM

Pengayaan

Taburan Penutur Bahasa Melayu di Dunia



Penutur bahasa Melayu tersebar di seluruh dunia. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa *lingua franca* telah digunakan sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka.



Francois Valentijn, seorang penulis Belanda pada tahun 1726 telah merekodkan:

Bahasa mereka, Bahasa Melayu, bukan sahaja dituturkan di daerah pinggir laut tetapi juga digunakan di seluruh Kepulauan Melayu dan di negeri-negeri sebelah Timur, sebagai suatu bahasa yang difahami di mana sahaja oleh setiap orang, tidak ubah seperti bahasa Perancis atau Latin di Eropah atau sebagai bahasa lingua-franca di Itali ... bahasa itu bukan sahaja dimengerti di Parsi bahkan lebih jauh daripada itu, dan di sebelah timurnya sehingga ke Kepulauan Filipina. Dan jika sekiranya awak tidak mengetahui bahasa ini, awak dianggap sebagai seorang yang tidak terpelajar di Timur...

Sumber: Arkib Negara Malaysia



Kawasan Tumpuan Penutur Bahasa Melayu

unit_03.indd 32 6/25/15 3:35 PM



Terdapat 37 buah negara yang mempunyai taburan penutur bahasa Melayu. Yang berikut merupakan antara taburan penutur bahasa Melayu di dunia.





- Senaraikan negara-negara penutur bahasa Melayu.
- Nyatakan maksud pernyataan "tidak mengetahui bahasa ini, awak dianggap sebagai seorang yang tidak terpelajar di Timur".



Dengan menggunakan glob, kenal pasti negara-negara penutur bahasa Melayu di dunia.

NOTA GURU

- Bimbing murid mencari dan mengenal pasti negara atau wilayah penutur bahasa Melayu menggunakan glob.
- Bimbing murid memahami pernyataan "tidak mengetahui bahasa ini, awak dianggap sebagai seorang yang tidak terpelajar di Timur".

6.3.3
K6.3.6

unit_03.indd 33 6/25/15 3:35 PM

Pemulihan

Boling Bahasa Melayu

Cara Bermain

1. Permainan ini dimainkan secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan akan diberi sebiji bola.
3. Secara bergilir, ahli kumpulan akan meleretkan bola ke arah kon yang disediakan.
4. Ahli tersebut akan mengambil soalan daripada guru mengikut warna kon yang terkena bola.
5. Jika jawapan yang diberikan betul, markah penuh akan diberikan kepada kumpulan tersebut.
6. Jika jawapannya salah, ahli kumpulan yang lain hendaklah membantu. Separuh markah akan diberikan jika jawapannya betul. Jika jawapan yang diberikan masih salah, soalan tersebut boleh digunakan untuk pusingan seterusnya.
7. Kumpulan yang mendapat markah tertinggi akan menjadi pemenang.





Kad Cabaran



Gambar menunjukkan bahasa Melayu berperanan sebagai _____.

Dari negara manakah perkataan setem dan teksi berasal?

Xin Chua belajar bahasa Melayu di Beijing. Mengapakah Xin Chua mempelajari bahasa Melayu?



Mengapakah papan tanda stesen kereta api pertama di Port Weld ini menggunakan tulisan Jawi, Tamil dan Cina?

Berikan contoh peranan bahasa Melayu sebagai bahasa perundangan.

NOTA GURU

- Bantu murid melakukan aktiviti di atas.
- Tambah soalan lain yang bersesuaian.

unit_03.indd 34 6/25/15 3:35 PM

Penilaian

Fikir dan Jawab

A. Cari perkataan tersembunyi dalam silang kata. Lengkapkan ayat di bawah dengan perkataan tersebut.

A	B	A	M	P	S	E	D	E	R	H	A	N	A	N
U	H	A	E	E	S	T	A	M	K	E	L	A	S	Y
S	U	S	M	R	N	O	I	I	R	Y	D	I	W	I
T	T	P	A	A	B	P	T	R	V	Y	R	M	D	V
R	G	E	R	N	D	A	I	G	K	E	I	N	E	O
O	Z	R	T	T	B	R	A	D	G	S	A	N	W	E
N	U	P	A	A	B	W	J	G	A	A	N	U	A	W
E	P	A	B	R	O	E	N	N	S	T	K	A	S	K
S	T	D	A	A	V	I	X	G	C	U	O	H	S	E
I	J	U	T	A	P	L	N	L	B	U	R	O	Q	M
A	T	A	K	N	D	A	Z	A	J	K	Q	V	T	B
P	E	N	A	U	A	L	M	A	R	I	X	Q	L	O
V	A	B	N	L	A	N	D	A	N	G	A	N	J	J
H	P	E	M	E	R	P	A	N	D	U	A	N	X	A
S	Z	W	E	A	R	A	B	M	N	D	V	I	R	T



1. Bahasa Melayu adalah _____ dan mudah menerima bahasa asing.
2. Bahasa Melayu berasal daripada rumpun _____.
3. Bahasa Melayu dipengaruhi oleh bahasa Sanskrit, _____, Portugis, Belanda dan _____.
4. Bahasa Melayu berperanan sebagai simbol _____ di negara kita.
5. Hukum Kanun Melaka ialah _____ penting dalam sistem pemerintahan.
6. _____ merupakan antara negara di dunia yang menggunakan Bahasa Melayu.
7. Antara kosa kata bahasa Melayu yang dipinjam daripada bahasa asing ialah _____, _____, dan _____.
8. *Lingua franca* ialah bahasa _____ antara masyarakat yang berlainan bahasa.
9. Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka penting untuk _____ bahasa Melayu.

NOTA GURU

- Bimbing murid menjawab soalan.

unit_03.indd 35 6/25/15 3:35 PM

Penilaian

Fikir dan Jawab

B. Isi tempat kosong di bawah.

1. Bukti perkembangan bahasa Melayu pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka

a) _____

b) _____

2. Peranan bahasa Melayu

a) _____

b) _____

3. Pengaruh bahasa asing dalam bahasa Melayu

a) _____

b) _____

4. Antara negara yang menggunakan bahasa Melayu

a) _____

b) _____

5. Kosa kata bahasa Melayu daripada pengaruh bahasa Arab

a) _____

b) _____

6. Kepentingan bahasa Melayu dalam perhubungan

a) _____

b) _____

7. Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka

a) _____

b) _____



NOTA GURU

- Bantu murid melengkapkan tugasan yang diberikan.
- Bimbing murid merumuskan bahasa Melayu sebagai warisan negara.

unit_03.indd 36 6/25/15 3:35 PM

UNIT 4

TERGUGATNYA KEDAULATAN NEGARA

Rangsangan



Kedatangan Kuasa Luar



NOTA GURU

- Bimbing murid meneliti peta dan gambar di atas.
- Minta murid memberikan pandangan mereka.

unit_04.indd 37 6/25/15 3:56 PM

Konsep

Kedatangan Kuasa Luar

Kedudukan negara kita yang strategik telah menarik kuasa luar untuk menjajah dan campur tangan. Selain itu, negara kita mempunyai hasil bumi yang amat bernilai. Kuasa luar yang menjajah dan campur tangan di negara kita ialah Siam, Portugis, Belanda, British dan Jepun.

1

Siam (Ligor)
Menyerang dan menguasai Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu.



2

Portugis, 1511-1641
Menjajah Melaka untuk menguasai perdagangan rempah dan menyebarkan agama Kristian.



6

Syarikat Borneo Utara British (SBUB), 1881
Menguasai Borneo Utara.



7

British, 1874
Campur tangan bermula di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.



TAHUKAH ANDA?

- Campur tangan bermaksud kuasa-kuasa luar melibatkan diri secara langsung dalam pentadbiran di Negeri-negeri Melayu.
- Penjajahan bermaksud kuasa-kuasa luar menjadikan Negeri-negeri Melayu sebagai negeri taklukan.
- Sabah pada masa dahulu dikenali sebagai Borneo Utara.

unit_04.indd 38 6/25/15 3:56 PM

Kuasa luar ini telah mengambil kesempatan menggunakan hasil bumi negara kita untuk kepentingan mereka. Oleh itu, kita perlu bersatu dan mempertahankan kedaulatan negara agar hasil bumi dapat dimanfaatkan untuk kemajuan dan kemakmuran negara kita.

3 **Belanda, 1641-1824**
Menewaskan Portugis untuk menguasai Melaka.



4 **British, 1786**
Penjajahan bermula di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka.



5 **James Brooke, 1841**
Menjajah Sarawak.



8 **Jepun, 1941-1945**
Mengalahkan British dalam Perang Dunia Kedua dan menjajah Tanah Melayu.



9 **British, 1946-1957 dan 1963**
Selepas Perang Dunia kedua, British telah kembali semula untuk mentadbir:
- Tanah Melayu sehingga Merdeka
- Sarawak dan Borneo Utara sehingga tahun 1963



- Nyatakan kuasa-kuasa luar yang menjajah dan campur tangan di negara kita.
- Nyatakan kepentingan perpaduan untuk mengelakkan campur tangan kuasa luar.

Mengapakah kita mesti menolak penjajahan dan campur tangan kuasa luar?

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenali kuasa-kuasa luar yang menjajah dan campur tangan di negara kita.
- Bimbing murid mengenali tinggalan-tinggalan kuasa luar sebagai tarikan pelancong.

7.1.1
K7.1.5
K7.1.6

unit_04.indd 39 6/25/15 3:56 PM

Pengukuhan

Penjajahan dan Campur Tangan British

Kekayaan hasil bumi mendorong kuasa luar bersaing untuk menguasai Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah. Persaingan ini menyebabkan British meluaskan pengaruhnya ke negara kita. Akibatnya, terbentuk beberapa jenis pentadbiran yang berbeza .



Negeri-negeri yang dijajah dan mendapat campur tangan British.







Negeri-negeri Selat
- Pulau Pinang
- Singapura
- Melaka

- Tanah Jajahan Mahkota
- Pemerintah ialah Gabenor

unit_04.indd 40 6/25/15 3:56 PM

Negeri-negeri Melayu Bersekutu
- Perak
- Selangor
- Negeri Sembilan
- Pahang

- Negeri-negeri yang dilindungi
- Pentadbiran di bawah Residen

Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu
- Kedah
- Kelantan
- Terengganu
- Perlis
- Johor

- Negeri-negeri yang dilindungi
- Penasihat British menasihati pentadbiran negeri

Sarawak

- Dikuasai oleh keluarga Brooke

Borneo Utara

- Dikuasai oleh Syarikat Borneo Utara British
- Lembaga Pengarah menjalankan pentadbiran negeri



Nyatakan tiga jenis pentadbiran yang terbentuk akibat penjajahan dan campur tangan British di negara kita.

Secara kreatif, lukis peta pemikiran yang berkaitan dengan sistem pentadbiran British.

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenal pasti negeri-negeri yang dijajah dan mendapat campur tangan British.
- Minta murid menyurih peta Malaysia. Bimbing mereka mewarna dan melabelkannya dengan jenis pentadbiran akibat dijajah dan campur tangan kuasa luar.

7.1.2
7.1.3
K 7.1.5

unit_04.indd 41 6/25/15 3:56 PM

Pengukuhan

Kekayaan Hasil Bumi Negara Kita

Kekayaan hasil bumi mendorong British menguasai negara kita. Antara hasil bumi yang terdapat di Tanah Melayu ialah bijih timah.



Bijih timah banyak terdapat di Larut, Perak. Bagi memajukan perlombongan bijih timah, Long Jaafar, seorang pembesar Perak telah membawa masuk orang China untuk bekerja di lombong tersebut. Apabila Long Jaafar meninggal dunia, anaknya, Ngah Ibrahim telah menguruskan lombong bijih timah itu. Pada masa itu, berlaku pergaduhan antara dua kumpulan pekerja lombong, iaitu Ghee Hin dan Hai San. Perang ini telah menyebabkan kerugian kepada para pelabur dari Negeri-negeri Selat.



TAHUKAH ANDA?

- Lombong bijih timah di Kuala Lumpur diusahakan oleh Raja Jumaat dan Raja Abdullah. Yap Ah Loy, seorang kapitan Cina juga terlibat dalam perlombongan bijih timah ini. Beliau turut membantu membangunkan Kuala Lumpur. Beliau juga sangat terkenal dalam kalangan masyarakat Cina, British dan Melayu.



Yap Ah Loy

unit_04.indd 42 6/25/15 3:56 PM

Selain itu, terdapat masalah perebutan takhta antara Raja Ismail dan Raja Abdullah untuk menjadi Sultan Perak. Keadaan ini menjadi rumit apabila pembesar-pembesar telah memberikan sokongan terhadap pihak-pihak yang terlibat. Dalam perebutan ini, Ngah Ibrahim telah memihak kepada Sultan Ismail. Perebutan ini menyebabkan keamanan Perak tergugat. Raja Abdullah telah meminta bantuan daripada British dan bersetuju untuk menandatangani Perjanjian Pangkor pada tahun 1874. Baginda telah ditabalkan sebagai Sultan Perak.



Diorama Perjanjian Pangkor

Bagi mengelakkan kuasa luar mengambil hasil bumi dan menjajah negara kita, kita hendaklah bersatu padu. Kita juga mesti berusaha untuk memanfaatkan hasil bumi negara kita.

- Apakah hasil bumi yang telah dikuasai oleh pihak British?
- Mengapakah pihak British hendak menguasai hasil bumi negara kita?

Cari maklumat tentang kegunaan bijih timah. Bentangkan dapatan anda.

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenal pasti hasil bumi yang terdapat di negara kita.

7.1.3
7.1.4
K7.1.6
K7.1.7

unit_04.indd 43 6/25/15 3:56 PM

Pengayaan

Tergugatnya Kuasa Pentadbiran

Penjajahan dan campur tangan pihak British telah menyebabkan kuasa Sultan dan pembesar terjejas.



unit_04.indd 44 6/25/15 3:56 PM



- Nyatakan bidang kuasa yang terhakis akibat campur tangan British.
- Mengapakah kita perlu bersatu padu untuk menghadapi ancaman luar?

1. Main peranan cerita di atas.
2. Dengan menggunakan pelbagai sumber, cari jawatan baharu yang diwujudkan oleh pihak British.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami dialog dengan mengaitkan kesan campur tangan British dalam pentadbiran negeri.

7.1.4
K7.1.5
K7.1.7

unit_04.indd 45 6/25/15 3:56 PM

Pengayaan

Penjajahan James Brooke di Sarawak

Penguasaan James Brooke ke atas Sarawak telah ditentang oleh penduduk tempatan.



Mengapakah mereka ingin menentang James Brooke?

Secara berkumpulan, bincangkan kesan penghapusan tempat tinggal orang Iban oleh James Brooke. Bentangkan dapatan anda.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami campur tangan pentadbiran Brooke di Sarawak.

7.1.4
K7.1.5
K7.1.7

unit_04.indd 46 6/25/15 3:56 PM

Pengayaan

Penguasaan Syarikat Borneo Utara British di Borneo Utara

Penguasaan Syarikat Borneo Utara British (SBUB) ke atas Borneo Utara menyebabkan penduduk tidak berpuas hati.



Apakah kesan yang timbul apabila Syarikat Borneo Utara British memperkenalkan peraturan baharu?

TAHUKAH ANDA?

- SBUB juga dikenali sebagai Kompeni.

Secara berpasangan, gunakan pelbagai sumber untuk mengumpul maklumat tentang peraturan baharu yang diperkenalkan oleh Syarikat Borneo Utara British.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami campur tangan pentadbiran SBUB di Sabah.

7.1.4
K7.1.5
K7.1.7

unit_04.indd 47 6/25/15 3:56 PM

Pengayaan

Kesan Sosioekonomi di Negeri-negeri Selat, Sarawak dan Borneo Utara

Penjajahan British melibatkan negeri Pulau Pinang, Singapura, Melaka, Sarawak dan Borneo Utara. Pada tahun 1826, British telah menggabungkan tiga buah negeri, iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura sebagai Negeri-negeri Selat.

Sarawak ditadbir oleh keluarga Brooke dan Borneo Utara pula ditadbir oleh Syarikat Borneo Utara British (SBUB). Pentadbiran British di negeri-negeri tersebut telah memberi kesan kepada sosioekonomi negara kita.



Perkembangan Pengangkutan dan Perhubungan

- Jalan kereta api dari Butterworth ke Singapura
- Jalan raya di Jesselton, Kota Belud, Kuching dan Miri
- Sistem pos dan telegraf antara Melaka dengan Singapura



Perkembangan Sistem Pendidikan

- Sekolah Melayu seperti Sekolah Melayu Gelugor, Pulau Pinang
- Sekolah Cina seperti Sekolah Yok Bin, Melaka
- Sekolah Tamil seperti Sekolah Tamil Ladang Changkat, Nibong Tebal, Pulau Pinang
- Sekolah Mubaligh seperti St Joseph, Singapura
- Sekolah Latihan Anak Negeri seperti di Borneo Utara
- Sekolah Dayak seperti di Sarawak
- Sekolah agama dan madrasah

TAHUKAH ANDA?

Sosioekonomi bermaksud unsur-unsur yang melibatkan kemasyarakatan dan ekonomi.

unit_04.indd 48 6/25/15 3:56 PM





Perkembangan Masyarakat Berbilang Kaum

- Melayu
- Cina
- India
- Suku kaum etnik di Sarawak
- Suku kaum etnik di Borneo Utara

Perkembangan Ekonomi

- Perlombongan bijih timah, emas
- Perladangan gambir, getah, tembakau, lada hitam





Kemunculan Bandar Baharu

- Jesselton
- Lahad Datu
- Kuching
- Melaka
- George Town
- Singapura

Kemajuan Perkhidmatan Kesihatan

- Hospital Besar Pulau Pinang
- Hospital Besar Melaka
- Hospital Kandang Kerbau, Singapura
- Hospital Brooke, Kuching
- Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu

Nyatakan kesan penjajahan British dalam sosioekonomi di Negeri-negeri Selat, Sarawak dan Borneo Utara.

Pihak British telah mengubah sosioekonomi Negeri-negeri Selat, Sarawak dan Borneo Utara. British mendapat keuntungan yang lebih daripada orang tempatan dengan perubahan tersebut. Bagi mengelakkan kuasa luar menguasai ekonomi negara kita, rakyat perlu bersatu padu membangunkan negara.

Cari kesan penjajahan British di Negeri-negeri Selat, Sarawak dan Borneo Utara. Laporkan dapatan anda.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami kepentingan menjaga kedaulatan dan kemerdekaan negara kita.
- Adakan lawatan ke muzium untuk memberi murid lebih pemahaman tentang kesan dan akibat penjajahan.

7.1.4
K7.1.5
K7.1.6
K7.1.7

unit_04.indd 49 6/25/15 3:56 PM

Pengayaan

Kesan Sosioekonomi di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

Campur tangan British menyebabkan perubahan sosioekonomi dan wujudnya pelbagai perkhidmatan bagi melicinkan sistem pentadbiran mereka.



Perkembangan Pengangkutan dan Perhubungan

- Jalan kereta api dari Taiping ke Port Weld
- Jalan raya bagi menghubungkan Kuala Lumpur dengan Ipoh
- Sistem pos dan telegraf dari Seremban ke Johor Bahru







Perkembangan Sistem Pendidikan

- Sekolah Melayu seperti Sekolah Melayu Kelang
- Sekolah Cina seperti Sekolah Cina Yuk Chai di Kuala Pilah
- Sekolah Tamil seperti Sekolah Tamil Vivekananda di Kuala Lumpur
- Sekolah Inggeris seperti Sekolah Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu dan Victoria Institution, Kuala Lumpur
- Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim
- Kolej Melayu Kuala Kangsar
- Sekolah agama seperti Madrasah Al-Idrisiah di Perak

unit_04.indd 50 6/25/15 3:56 PM

Perkembangan Ekonomi
- Perusahaan bijih timah seperti di Rawang
- Perusahaan ladang getah seperti Sime Darby
- Perladangan gambir dan lada hitam
- Perbankan seperti Standard Chartered Bank
- Pelabuhan seperti Pelabuhan Klang





Perkembangan Masyarakat Berbilang Kaum
- Melayu
- Cina
- India

Kemunculan Bandar Baharu
- Taiping
- Ipoh
- Seremban
- Kuantan





Kemajuan Perkhidmatan Kesihatan
- Hospital Besar Kuala Lumpur
- Hospital Besar Ipoh
- Hospital Besar Seremban
- Hospital Besar Pahang
- Hospital Kusta Sungai Buloh

Pelbagai perkhidmatan yang wujud telah memajukan negeri-negeri tersebut. Walau bagaimanapun, kemajuan dan perkembangan hanya berlaku di pusat pentadbiran dan pusat kegiatan ekonomi British. Akibatnya, wujud petempatan yang berbeza mengikut kaum.

Selepas merdeka, kerajaan telah berusaha untuk menyatukan semua kaum melalui pelbagai rancangan sosioekonomi. Oleh itu, perpaduan ini amat penting untuk dikekalkan.

Nyatakan kesan campur tangan British dalam sosioekonomi negara kita.

Bandingkan sistem pengangkutan dahulu dan sekarang. Bentangkan.

NOTA GURU

- Bantu murid memahami kesan campur tangan British dalam sosioekonomi negara kita.

7.1.4
K7.1.6
K7.1.7

unit_04.indd 51 6/25/15 3:56 PM

Pemulihan

Tanah Airku

Penjajahan dan campur tangan British telah membawa kepada perkembangan bandar. Teliti gambar di bawah. Bandingkan dan bezakan gambar-gambar tersebut.

Sekarang

Dahulu





Kuala Lumpur





Kota Kinabalu (Jesselton)





Kuching

Ceritakan perkembangan bandar di tempat tinggal anda.

Lakarkan bandar idaman anda. Bentangkan.

NOTA GURU

- Jelaskan kepada murid kesan penjajahan dan campur tangan British terhadap pembangunan negara.

unit_04.indd 52 6/25/15 3:56 PM

Penilaian

Fikir dan Jawab

A. Lengkapkan dialog dengan jawapan yang betul.

perlombongan bijih timah

Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

Negeri-negeri Selat

British

Negeri-negeri Melayu Bersekutu

sosioekonomi

Gabenor

jalan raya

menjajah

mentadbir

hospital

Siam

pentadbiran

1 Banyaknya kuasa luar yang telah _____ dan campur tangan di negara kita.

2 Betul Anseng. Portugis, Belanda, Siam, _____ dan Jepun pernah menjajah negara kita.

3 British telah membentuk lima jenis _____ yang berbeza di negara kita.

4 Pentadbiran tersebut ialah _____, _____, _____, Pentadbiran Brooke dan SBUB.

5 Kasihan saya melihat Sultan dan pembesar tempatan. Mereka kehilangan kuasa untuk _____ negeri.

6 Sebenarnya Syafiq, British campur tangan sebab mereka hendak menguasai _____.

7 Saya setuju, Eva. Selain itu, campur tangan dan penjajahan juga memberi kesan terhadap _____ negara kita.

8 Sampai sekarang kita masih boleh melihat kesan tersebut. Contohnya jalan kereta api, _____ dan _____.

9 Nampaknya kamu berdua telah faham kesan penjajahan dan campur tangan British di negara kita.



NOTA GURU

- Bimbing murid melengkapkan dialog.

unit_04.indd 53 6/25/15 3:56 PM

Penilaian

Fikir dan Jawab

B. Lengkapkan jadual di bawah.

Pentadbiran	Negeri	Kesan Sosioekonomi
Negeri-negeri Selat		
Pentadbiran Brooke		
Syarikat Borneo Utara British		
Negeri-negeri Melayu Bersekutu		
Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu		

NOTA GURU

- Bantu murid melengkapkan latihan.
- Bimbing murid merumuskan kepentingan mempertahankan negara kita daripada dijajah oleh kuasa luar.

unit_04.indd 54 6/25/15 3:56 PM

Rangsangan

UNIT 5

PERJUANGAN TOKOH TEMPATAN












NOTA GURU

- Bimbing murid mengenal pasti tokoh-tokoh pejuang tempatan di atas.

unit_05.indd 55 6/25/15 4:10 PM

Konsep

Pahlawanku

Penjajahan dan campur tangan British di negara kita telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pemimpin tempatan. Pejuang kita telah memimpin rakyat supaya berjuang dengan gigih untuk mempertahankan kedaulatan tanah air. Sebagai rakyat kita perlu menghargai pengorbanan mereka.



unit_05.indd 56 6/25/15 4:10 PM



Namakan tokoh-tokoh tempatan yang menentang British.
Namakan negeri-negeri yang terlibat dalam menentang British.

Dengan menggunakan pelbagai sumber, cari tokoh-tokoh pejuang lain yang menentang British. Hasilkan buku skrap dan pamerkan di Sudut Sejarah.

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenal kawasan kebangkitan tokoh pejuang berdasarkan peta Malaysia.

7.2.1
K7.2.5

unit_05.indd 57 6/25/15 4:10 PM

Pengukuhan

Gagahnya Pejuangku

Kebangkitan pemimpin tempatan menentang British disebabkan pelaksanaan undang-undang dan cukai yang dikenakan, hilang penguasaan ke atas daerah dan campur tangan dalam adat resam tempatan. Oleh itu, pemimpin tempatan telah menggadaikan nyawa untuk menentang British. Banyak iktibar yang boleh diperoleh daripada perjuangan mereka.

Dol Said



- Menentang British bagi mempertahankan kedaulatan Naning.
- Menentang pelaksanaan undang-undang British dan bayaran cukai.
- Pada tahun 1831, Dol Said berjaya mengalahkan British dengan menggunakan taktik perang gerila dan mendapat bantuan pembesar dari daerah Seri Menanti, Sungai Ujong, Johol dan Muar.
- Pada tahun 1832, British bertindak menawan pusat pentadbiran Naning dan membakar rumah penduduk.
- British terpaksa membelanjakan £100 ribu untuk mengalahkan Dol Said.
- British hanya dapat menewaskan Dol Said dalam serangan yang ketiga.
- Pada tahun 1832, Dol Said telah ditewaskan dan tinggal dalam buangan di Melaka.



TAHUKAH ANDA?

Paun Sterling (£) ialah mata wang British.

unit_05.indd 58 6/25/15 4:10 PM

Rentap



- Menentang James Brooke yang menganggap orang Iban sebagai lanun dan telah menghapuskan petempatan mereka.
- James Brooke telah mendirikan kubu di Nanga Skrang untuk mengawasi pergerakan orang Iban.
- Pada tahun 1853, Rentap menyerang kubu James Brooke di Nanga Skrang dan mencapai kejayaan.
- Rentap membina kubu pertahanan di Bukit Sadok. Ramai pahlawan Iban yang menyokongnya.
- Pertempuran yang sengit berlaku antara Rentap dan James Brooke di Bukit Sadok.
- Rentap telah berundur ke Sungai Entabai dan tidak dapat dikesan selepas itu.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami perjuangan Dol Said dan Rentap.

unit_05.indd 59 6/25/15 4:10 PM

Sharif Masahor



- Menentang James Brooke yang meluaskan kuasa ke atas wilayah Sarikei dan mengambil alih kuasa pentadbiran.
- Pada tahun 1855, Sharif Masahor telah menyerang Mukah. Beliau berjaya mengusir keluar pembesar tempatan yang menyokong James Brooke.
- Sharif Masahor bersama-sama dengan Datu Patinggi Abdul Ghapur dan Temenggung Hashim telah mengadakan kerjasama untuk menyerang Kuching.
- Sharif Masahor tidak dapat mengalahkan pasukan tentera Charles Brooke, anak saudara James Brooke dan berundur ke Mukah.
- Pada tahun 1861, Sharif Masahor ditewaskan dan dibuang negeri ke Singapura.
- Setelah dibebaskan, Sharif Masahor menuju ke Selangor untuk membantu Raja Mahadi dalam perang saudara yang dikenali sebagai Perang Klang.

unit_05.indd 60 6/25/15 4:10 PM



Dato' Maharaja Lela



- Menentang British kerana British memperkenalkan sistem cukai baharu dan campur tangan dalam adat resam orang Melayu.
- Sultan Abdullah, Dato' Maharaja Lela dan pembesar-pembesar lain telah mengambil keputusan untuk membunuh J.W.W. Birch.
- Dato' Maharaja Lela dan Seputum telah membunuh J.W.W. Birch.
- Dato' Maharaja Lela telah ditangkap dan dijatuh hukuman gantung pada tahun 1877.



Yamtuan Antah



- Menentang British kerana tidak bersetuju dengan perjanjian antara British dengan Dato' Kelana Sungai Ujong.
- Yamtuan Antah juga tidak bersetuju dengan tindakan British menyokong tindakan Dato' Kelana yang mengisytiharkan Terachi sebagai wilayahnya.
- Yamtuan Antah telah menawan Paroi dan membina kubu pertahanan.
- Pihak British mengalahkan pasukan Yamtuan Antah.
- Yamtuan Antah terpaksa berundur ke Bukit Putus.
- Yamtuan Antah dan British telah mengadakan rundingan perdamaian.
- Yamtuan Antah telah diiktiraf sebagai Yamtuan Besar Seri Menanti.

NOTA GURU

- Bantu murid memahami perjuangan Sharif Masahor, Dato' Maharaja Lela dan Yamtuan Antah.

unit_05.indd 61 6/25/15 4:10 PM



Dato' Bahaman

- Menentang British disebabkan kehilangan hak mengutip cukai dan dilucutkan gelaran sebagai pembesar.
- Pada tahun 1891, Dato' Bahaman menyerang Balai Polis Lubuk Terua dan menawan kembali Lubuk Terua dengan bantuan Tok Gajah dan anaknya Mat Kilau.
- Pada tahun 1894, Dato' Bahaman menawan Kuala Tembeling dan Jeram Ampai. Walau bagaimanapun British telah bertindak menawan semula Jeram Ampai.
- Dato' Bahaman terpaksa berundur ke Kelantan dan mendapat perlindungan di Chiengmai, Thailand.

Tok Janggut



- Tok Janggut menentang British disebabkan cukai dan peraturan tanah baharu yang membebankan.
- Pada tahun 1915, Tok Janggut telah melancarkan serangan ke atas Pasir Puteh.
- Pihak British bertindak menyerang Tok Janggut yang berkubu di Kampung Saring.
- Tok Janggut terkorban dalam pertempuran itu.



unit_05.indd 62 6/25/15 4:10 PM





Mat Salleh

- Menentang Syarikat Borneo Utara British (SBUB) kerana kehilangan kawasan pengaruh.
- Mat Salleh membantah cukai yang dikenakan serta peraturan baharu yang membebankan.
- Pada tahun 1897, Mat Salleh telah mendirikan kubu di Ranau dan menyerang Pulau Gaya dan Ambong.
- Mat Salleh telah ditewaskan di Tambunan dan dikatakan telah terkorban.



Antanom

- Menentang SBUB kerana kehilangan kuasa dan pengaruh, menentang pembayaran cukai yang dikenakan, menjadikan orang Murut sebagai buruh paksa dan menceroboh kawasan hutan orang Murut untuk membina jalan.
- Antanom telah menyatukan orang Murut untuk menentang SBUB.
- Pada tahun 1915, Antanom telah menyerang Pensiangan dan membina kubu di Sungai Selangit.
- Terkorban dalam pertempuran di Sungai Selangit.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami perjuangan Dato' Bahaman, Tok Janggut, Mat Salleh dan Antanom.

unit_05.indd 63 6/25/15 4:10 PM

Haji Abdul Rahman Limbong



- Menentang British kerana penguatkuasaan undang-undang binatang buas, peraturan tanah baharu dan pas kebenaran untuk menjalankan aktiviti pertanian.
- Pada tahun 1922, Haji Abdul Rahman Limbong bertindak sebagai peguam untuk membela petani di Kuala Telemong yang ditangkap kerana menentang peraturan baharu. Mereka telah membersihkan tanah tanpa mengambil pas kebenaran.
- Pihak British juga telah mengancam akan mengambil tindakan undang-undang ke atas mereka yang enggan membayar cukai.
- Ancaman British untuk mengambil tindakan undang-undang menyebabkan para petani telah menduduki balai polis dan bangunan kerajaan di Kuala Berang
- Pihak British telah melancarkan serangan dan Haji Abdul Rahman Limbong telah ditangkap.
- Beliau dijatuhi hukuman buang negeri ke Mekah.



unit_05.indd 64 6/25/15 4:10 PM



Raja Mahadi

- Raja Mahadi menentang campur tangan British dalam pentadbiran Klang dan perusahaan bijih timah.
- Raja Mahadi juga tidak berpuas hati dengan pelantikan Tengku Kudin sebagai Yam Tuan Selangor oleh British.
- Tengku Kudin dan Raja Abdullah telah bekerjasama untuk menentang Raja Mahadi.
- Raja Mahadi telah mengambil tindakan untuk menyerang Yap Ah Loy di Kuala Lumpur kerana telah bekerjasama dengan Tengku Kudin.
- Raja Mahadi telah dapat dikalahkan dan dihantar ke Johor. Beliau meninggal dunia di sana.

TAHUKAH ANDA?

Kota Raja Mahadi di Klang telah dibina oleh Raja Mahadi sebagai kota pertahanan menentang British.



Pemimpin-pemimpin tempatan telah berkorban demi bangsa dan negara. Semangat perjuangan dan keberanian mereka sewajarnya dihargai dan dicontohi.

Pada pendapat anda, mengapakah perjuangan tokoh-tokoh tempatan ini patut dihargai?

Cari tokoh lain yang telah banyak menyumbangkan jasa kepada masyarakat dan negara.

NOTA GURU

- Bantu murid memahami sebab penentangan terhadap British.
- Bantu murid memahami peristiwa penentangan terhadap British.
- Minta murid mencari nama tokoh yang diabadikan pada bangunan dan jalan raya.

7.2.1
7.2.2
7.2.3
K 7.2.4
K 7.2.5
K7.2.6

unit_05.indd 65 6/25/15 4:10 PM

Pengayaan

Tokoh Kedamaian

Penjajahan dan campur tangan British telah menyebabkan kemunculan ramai pejuang tempatan. Perjuangan tokoh-tokoh ini tidak menggunakan senjata dan kekerasan.



Pak Sako

Pak Sako atau nama sebenarnya Ishak Haji Muhammad merupakan seorang penulis. Sebelum menjadi penulis, Pak Sako pernah bekerja sebagai Majistret Kelas III. Dia telah meletakkan jawatan kerana tidak suka bekerjasama dengan British.

Pak Sako telah menulis pelbagai novel, esei dan memoir. Menggunakan akhbar *Utusan Melayu*, Pak Sako menyebarkan semangat nasionalisme dalam kalangan orang Melayu. Pak Sako juga telah menulis novel yang menunjukkan kebencian terhadap British.

Antara novel Pak Sako yang terkenal ialah *Putera Gunung Tahan* dan *Anak Mat Lela Gila*. Melalui novel *Putera Gunung Tahan*, beliau mengkritik orang Barat yang cuba mengaut hasil bumi Tanah Melayu. Pak Sako meninggal dunia pada 7 November 1991 di Kampung Melaka, Hulu Langat, Selangor.



Tun Tan Cheng Lock

Tun Tan Cheng Lock merupakan seorang pemimpin yang berjuang untuk kepentingan masyarakat Cina di Malaysia. Beliau bersama-sama pemimpin Cina lain telah mengasaskan penubuhan *Malaysia Chinese Association* (MCA). Melalui MCA, Tun Tan Cheng Lock telah berjaya menyatukan orang Cina di seluruh Tanah Melayu dan melindungi hak serta kepentingan mereka.



Beliau telah memastikan MCA mewujudkan kerjasama antara kaum dalam mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. Tun Tan Cheng Lock telah membawa MCA dalam Konvensyen Kebangsaan yang dianjurkan bersama UMNO pada 23 Ogos 1953. Usaha gigih Tun Tan Cheng Lock ini telah membawa kepada penubuhan Parti Perikatan yang disertai oleh UMNO dan MCA.

Di bawah kepimpinan Tun Tan Cheng Lock, MCA telah membantu dan mendapatkan hak kerakyatan untuk masyarakat Cina. Selain memperjuangkan kepentingan masyarakat Cina, beliau juga pernah meminta agar bantuan ekonomi disalurkan kepada mereka yang memerlukan khususnya nelayan Melayu.

TAHUKAH ANDA?

- *Utusan Melayu* merupakan akhbar pertama yang diterbitkan oleh orang Melayu pada tahun 1939.

Bagaimanakah hasil penulisan dapat menaikkan semangat patriotisme? Bincangkan.

unit_05.indd 66 6/25/15 4:10 PM



S. A. Ganapathy

S. A. Ganapathy seorang pemimpin India yang telah berjuang untuk membela nasib dan kebajikan pekerja estet. Beliau menuntut upah yang adil dan mengisytiharkan 1 Mei sebagai hari cuti bekerja (Hari Pekerja).

S. A. Ganaptahy telah menggunakan akhbar untuk memperjuangkan kebajikan pekerja India. Beliau menggunakan akhbar *Pattali Murasu* (Suara Pekerja) dan kemudian *Munnani* (Barisan Pertama) untuk membela nasib pekerja-pekerja estet. Pada tahun 1947, S. A. Ganapathy telah dilantik menjadi presiden Persatuan Kesatuan Pekerja Se-Malaya. Kelantangan dan kesungguhan S. A. Ganapathy menyebabkan British menangkapnya atas tuduhan memiliki senjata api dan dijatuhi hukuman mati.

Lily Eberwein

Lily Eberwein merupakan seorang tokoh pendidikan dan politik di Sarawak. Apabila Permaisuri Malay Girls' School ditubuhkan di Kuching, Lily Eberwein telah dilantik sebagai Guru Besar. Beliau menggunakan peluang ini untuk memastikan anak perempuan mendapat pendidikan.

Pada tahun 1950, Lily Eberwein menubuhkan Satok English School tanpa bantuan daripada kerajaan. Lily Eberwein memastikan sekolah ini menerima pelajar berbilang kaum.

Kesungguhan Lily Eberwein menyebabkan beliau dihormati dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak. Bagi menghargai jasanya, beliau telah dianugerahkan Tokoh Guru Kebangsaan pada tahun 1977. Beliau meninggal dunia pada tahun 1980.





Berdasarkan cerita perjuangan tokoh di atas, cari iktibar yang boleh anda peroleh. Bentangkan.

NOTA GURU

- Bimbing murid untuk mengkaji iktibar yang boleh diperoleh daripada perjuangan tokoh tempatan.

67.2.2
7.2.3
K7.2.4
K7.2.5
K.7.2.6

unit_05.indd 67 6/25/15 4:10 PM

Pemulihan

Pancing Tokoh

Cara Bermain

1. Permainan ini dimainkan secara berkumpulan.
2. Ahli kumpulan secara bergilir-gilir mengambil sampul yang mengandungi nama tokoh dan memancing gambar tokoh yang disebutkan.
3. Lekatkan nama dan gambar tokoh yang telah dipancing pada peta yang disediakan.
4. Markah akan diberi kepada gambar tokoh dan peta yang betul.
5. Jika gambar tokoh yang dipancing salah, gambar tersebut hendaklah diletakkan semula ke tempatnya.
6. Kumpulan yang mengumpul markah paling tinggi akan menjadi pemenang.





NOTA GURU

- Berikan tempoh masa untuk murid bermain.
- Minta murid menceritakan pentingnya mengenali tokoh tempatan.

unit_05.indd 68 6/25/15 4:10 PM

Penilaian

Fikir dan Jawab

A. Jawab soalan di bawah.

1. Tokoh tempatan yang menentang British di negeri Pahang ialah _____.
   (a) Dol Said (b) Rentap (c) Dato' Bahaman

2. Dol Said menentang British untuk mempertahankan kedaulatan _____.
   (a) Naning (b) Sarikei (c) Lubuk Terua

3. Rentap telah menyerang kubu James Brooke di _____.
   (a) Pulau Gaya (b) Mukah (c) Nanga Skrang

4. Mat Salleh telah dibenarkan oleh pihak British untuk mentadbir daerah _____.
   (a) Ambong (b) Tambunan (c) Pulau Gaya

5. Antanom telah mendirikan kubu pertahanan di _____ bagi menyerang tentera Syarikat Borneo Utara British.
   (a) Sungai Rejang (b) Sungai Skrang (c) Sungai Selangit

6. Dato' Bahaman berjaya menawan _____ dengan bantuan Tok Gajah dan Mat Kilau.
   (a) Jeram Ampai (b) Lubuk Terua (c) Lubuk Antu

7. Tok Janggut telah melancarkan serangan ke atas _____ bagi menentang pihak British.
   (a) Pasir Panjang (b) Pasir Puteh (c) Pasir Mas

8. Penentangan terhadap British di Perak disebabkan oleh _____.
   (a) kehilangan hak mengutip cukai
   (b) pembinaan balai polis oleh British
   (c) pembakaran kampung oleh British

9. Mengapakah Haji Abdul Rahman Limbong menentang British?
   (a) Melucutkan gelaran sebagai pembesar
   (b) Menceroboh kawasan hutan untuk membina jalan
   (c) Mewajibkan pas kebenaran untuk menjalankan aktiviti pertanian

10. Apakah kejayaan Yamtuan Antah dalam rundingannya dengan pihak British?
    (a) Mengisytiharkan Jelebu sebagai wilayah kepunyaan Dato' Kelana
    (b) Mendapat pengiktirafan sebagai Yamtuan Besar di Seri Menanti
    (c) Dato' Kelana diiktiraf sebagai pemerintah di Seri Menanti

NOTA GURU

- Bantu murid menjawab soalan.

unit_05.indd 69 6/25/15 4:10 PM

Penilaian

Fikir dan Jawab

B. Baca dan fahami. Nyatakan nama tokoh tersebut.

Soalan 1

Bersama Seputum rakan seperjuangan,
Pasir Salak dapat dipertahankan,
Kerana muafakat membuat keputusan,
Terbukti pemimpin mendapat sokongan.

Soalan 2

Pemimpin ini bersemangat waja,
Berkubu di Kampung Saring bersama pengikutnya,
Berani berjuang demi pusaka,
Hingga sanggup berkorban nyawa.

Soalan 3

Pahlawan Iban gagah berani,
Bijak dan pandai mengatur strategi,
Menentang James Brooke perjuangan suci,
Pahlawan sejati ibu pertiwi.

Soalan 4

Pahlawan Sabah kita hargai,
Menentang SBUB dengan berani,
Berkorban nyawa demi pertiwi,
Jasamu tersemat mekar di hati.

C. Jawab soalan di bawah.

Sebagai warganegara yang cinta akan negaranya, apakah yang perlu anda lakukan untuk mempertahankan kedaulatan negara?

_____

_____

_____

NOTA GURU

- Bantu murid menjawab soalan.
- Bimbing murid merumuskan perjuangan tokoh tempatan menentang British.

unit_05.indd 70 6/25/15 4:10 PM

Rangsangan

UNIT 6

LAHIRNYA SEBUAH NEGARA BAHARU


BERITA HARIAN

WOLSELEY

MERDEKA!

Saat yang sangat bersejarah

Tepat pada tengah malam seluroh raayat bertempek 'Malaya sudah merdeka'!

Pekek oleh 'Bapa Merdeka' disambut diseluroh negeri

NOTA GURU

- Bimbing murid mengaitkan gambar di atas dengan maksud perkataan 'merdeka'.

unit_06.indd 71 6/25/15 4:18 PM

Konsep

Perjuangan Menuntut Kemerdekaan

Belenggu penjajahan menyedarkan rakyat tentang pentingnya kebebasan tanah air. Oleh itu, rakyat telah bekerjasama dengan pemimpin untuk mendapatkan kemerdekaan. Permuafakatan antara pemimpin dengan masyarakat telah memudahkan proses mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

1 Pendudukan Jepun 1942-1945

- Rakyat hidup sengsara semasa pendudukan Jepun. Timbul kesedaran dalam kalangan rakyat untuk menentang penjajahan.
- Muncul pemimpin tempatan, iaitu Ibrahim Haji Yaakob dan Burhanuddin Al-Helmy yang menggerakkan perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan bersama-sama dengan Indonesia.

2 Malayan Union 1946-1948

- Rakyat membantah tindakan British memperkenalkan Malayan Union yang merupakan satu penjajahan.
- Dato' Onn Ja'afar telah memimpin orang Melayu untuk membantah pelaksanaan Malayan Union.
- Malayan Union telah ditarik balik dan digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948.

5 Pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan 1955

- Parti Perikatan menang dalam pilihanraya ini.
- Tunku Abdul Rahman yang menjadi ketua Parti Perikatan dilantik sebagai Ketua Menteri.
- Parti Perikatan yang dipimpin oleh Tunku Abdul Rahman telah berunding dengan British untuk mendapatkan kemerdekaan.

6 Rundingan London 1956

- Rombongan kemerdekaan yang diwakili oleh wakil Raja-raja Melayu dan wakil Parti Perikatan telah ke London untuk berunding dengan British mengenai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.
- Mereka berjaya menandatangani Perjanjian Kemerdekaan di London.

unit_06.indd 72 6/25/15 4:18 PM

3 Ancaman Komunis 1948

- Parti Komunis Malaya melakukan pelbagai keganasan seperti membunuh, memusnahkan lombong bijih timah dan ladang getah.
- Ancaman komunis telah mengganggu keamanan negara sehingga diisytiharkan darurat.
- Rundingan Baling telah diadakan pada tahun 1955.
- Darurat telah ditamatkan pada tahun 1960.

4 Parti-Parti Politik

- Parti-parti politik yang ditubuhkan pada waktu ini ialah *United Malays National Organisation* (UMNO), *Malayan Chinese Association* (MCA), *Malayan Indian Congress* (MIC) dan *Independence of Malaya Party* (IMP).
- Parti Perikatan telah ditubuhkan dengan dianggotai oleh UMNO, MCA dan MIC.
- Semua parti ini menuntut untuk mengadakan pilihanraya sebagai satu proses ke arah kemerdekaan.

- Nyatakan sumbangan Dato' Onn Ja'afar dalam menentang Malayan Union.
- Pada pandangan anda, mengapakah pemimpin negara kita memilih kaedah rundingan untuk mendapatkan kemerdekaan?

7 Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu 1957

- Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.



Pilih salah satu episod perjuangan kemerdekaan. Lakonkan episod tersebut.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami peristiwa ke arah perjuangan kemerdekaan.
- Bimbing murid memahami sumbangan tokoh perjuangan kemerdekaan.

7.3.1
7.3.2
7..3.3
K7.3.5
K.7.3.6

unit_06.indd 73 6/25/15 4:18 PM

Pengukuhan

Wira Merdeka

Kebijaksanaan dan kehebatan tokoh-tokoh kemerdekaan telah berjaya memerdekakan negara kita. Oleh itu, kita harus berasa bangga dan menghargai pengorbanan mereka.



Dato' Onn bin Ja'afar

- Merupakan pengasas UMNO
- Menggerakkan orang Melayu untuk bersatu padu menentang penubuhan Malayan Union
- Menteri Besar Johor
- Pengasas IMP



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

- Menubuhkan Parti Perikatan
- Mengetuai Rombongan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
- Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama
- Diberi gelaran Bapa Kemerdekaan



Dato' Haji Abdul Wahab bin Haji Aziz (Panglima Bukit Gantang)

- Setiausaha UMNO yang pertama dan menentang penubuhan Malayan Union
- Menjadi wakil Raja-raja Melayu dalam Rombongan Kemerdekaan
- Menteri Besar Perak



Tun Tan Cheng Lock

- Presiden MCA yang pertama
- Membawa MCA bergabung dengan UMNO dalam penubuhan Parti Perikatan
- Mendapatkan kerakyatan bagi masyarakat Cina
- Menanamkan perasaan taat setia kepada negara

unit_06.indd 74 6/25/15 4:18 PM



Tun Abdul Razak bin Hussein

- Ahli dalam Rombongan Kemerdekaan
- Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan
- Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu
- Diberi gelaran Bapa Pembangunan



Tun H.S.Lee

- Presiden MCA Selangor
- Penggerak kerjasama UMNO-MCA
- Anggota Sistem Ahli
- Menteri Kewangan Persekutuan Tanah Melayu yang pertama



Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman

- Berjuang secara aktif untuk kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
- Wakil UMNO untuk berunding dengan MCA bagi membentuk Parti Perikatan
- Anggota Sistem Ahli



Tun V.T. Sambanthan

- Presiden MIC pada tahun 1955
- Terlibat dalam proses mencapai kemerdekaan negara
- Mendapatkan kerakyatan untuk masyarakat India
- Menteri Kesihatan Persekutuan Tanah Melayu yang pertama

TAHUKAH ANDA?

- Sistem Ahli ialah satu bentuk pentadbiran yang diperkenalkan oleh British.

Mengapakah kita perlu menghargai perjuangan tokoh-tokoh kemerdekaan?

Bagaimanakah anda menghargai tokoh-tokoh perjuangan kemerdekaan semasa sambutan Hari Kemerdekaan di peringkat sekolah?

Dengan menggunakan pelbagai sumber, cari tokoh lain yang turut berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan.

NOTA GURU

- Bimbing murid mencari maklumat tentang tokoh-tokoh yang berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan.

7.3.1
7.3.2
K 7.3.7

unit_06.indd 75 6/25/15 4:18 PM

Pengayaan

Rundingan Kemerdekaan

Kerjasama dalam kalangan pemimpin menjadi kunci utama kemerdekaan negara kita. Rombongan Kemerdekaan telah ke London pada tahun 1956 untuk berunding dengan pihak British bagi mendapatkan kemerdekaan.

Ahli rombongan ini terdiri daripada empat orang wakil Raja-raja Melayu dan empat orang wakil Parti Perikatan. Wakil Raja-raja Melayu diketuai oleh Dato' Haji Abdul Wahab bin Haji Aziz (Panglima Bukit Gantang), Abdul Aziz Majid, Dato' Mohd Seth dan Dato' Nik Ahmed Kamil. Wakil Parti Perikatan pula terdiri daripada Tunku Abdul Rahman, Dato' Abdul Razak Hussein, Dr. Ismail Abdul Rahman, Kolonel H.S. Lee dan Encik Bahaman Shamsuddin. Wakil British pula diketuai oleh Lord Allan Lennox-Boyd.



Rombongan Kemerdekaan ke London yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman.



unit_06.indd 76 6/25/15 4:18 PM

Hasil rundingan ini dikenali sebagai Perjanjian London. Perjanjian tersebut memutuskan bahawa 31 Ogos 1957 ditetapkan sebagai tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.



Keratan akhbar *Utusan Melayu* yang menunjukkan Rombongan Kemerdekaan sedang berbincang di Lancaster House, London.



Tunku Abdul Rahman menandatangani Perjanjian Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Lord Allan Lennox-Boyd.

- Nyatakan tujuan Rombongan Kemerdekaan.
- Apakah kaedah yang dipilih oleh pemimpin negara untuk mendapatkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu?

Ceritakan proses rundingan kemerdekaan sehingga Perjanjian London ditandatangani menggunakan peta aliran.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami peristiwa rundingan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

7.3.3
K 7.3.5
K7.3.6
K.7.3.7

unit_06.indd 77 6/25/15 4:18 PM

Pengayaan

Negaraku Merdeka

Nenek Nancy berumur sebelas tahun semasa Persekutuan Tanah Melayu merdeka. Dia menulis peristiwa bersejarah itu dalam diarinya.





20 Februari 1956, Hari Isnin

Saya tinggal di Banda Hilir, Melaka. Hari ini bapa mengajak saya ikut bersamanya melihat Rombongan Kemerdekaan yang akan tiba di padang Banda Hilir.

Setibanya kami di sana, banyak orang telah berkumpul menantikan ketibaan Rombongan Kemerdekaan. Hampir setengah jam kami menunggu akhirnya Rombongan Kemerdekaan pun tiba. Saya melihat bapa saya terlalu gembira.

Saya melihat Tunku Abdul Rahman naik ke pentas dan membaca tarikh kemerdekaan, iaitu pada 31 Ogos 1957. Selesai sahaja membaca, Tunku Abdul Rahman melaungkan "merdeka" diikuti oleh orang ramai termasuk bapa dan saya.



TAHUKAH ANDA?

- Union Jack ialah nama bendera British.

unit_06.indd 78 6/25/15 4:18 PM

30 Ogos 1957, Hari Jumaat

Hari ini saya dan keluarga saya pergi ke Kuala Lumpur untuk meraikan kemerdekaan. Pagi-pagi lagi kami bertolak dari Melaka dengan menaiki teksi. Sepanjang perjalanan, saya melihat banyak kenderaan awam yang membawa bendera. Kami berehat di rumah saudara kami di Bangsar.

Kami tiba di Padang Kelab Selangor pada lewat petang. Banyak orang telah berhimpun di situ untuk menyambut ambang kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Tepat pukul 12.00 tengah malam saya menyaksikan bendera Union Jack diturunkan dan bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan. Saya melihat bapa dan ibu menitiskan air mata semasa bendera dinaikkan. Orang ramai bersorak gembira. Bapa juga bersorak seperti mereka. Bapa memeluk saya dan ibu tanda gembira.

31 Ogos 1957, Hari Sabtu

Hari ini merupakan hari pengisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu. Kami menaiki teksi menuju ke Stadium Merdeka. Saya melihat banyak orang berada di Stadium Merdeka.

Saya mendengar ucapan wakil Ratu England. Kemudian, saya melihat dokumen pengisytiharan kemerdekaan diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong. Tepat pukul 9.30 pagi, Tunku Abdul Rahman membaca pengisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu. Laungan "merdeka" sebanyak tujuh kali disambut oleh orang ramai di Stadium Merdeka dengan penuh semangat.

Sesungguhnya hari ini amat bermakna. Saya tidak akan melupakan detik-detik yang penuh bersejarah ini. Terima kasih, ayah sebab membawa saya ke sini.





- Di manakah Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu?
- Apakah perasaan anda apabila menyaksikan sambutan Hari Kemerdekaan negara?

Secara berkumpulan, lakonkan catatan yang terdapat dalam diari ini.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami peristiwa pengisytiharan kemerdekaan.

7.3.4
K7.3.6

unit_06.indd 79 6/25/15 4:18 PM

Pemulihan

Muafakat Membawa Berkat



Hari ini kita hidup dalam negara yang aman damai. Situasi ini berlaku hasil daripada perjuangan pemimpin-pemimpin kita. Kemerdekaan negara tercapai hasil daripada permuafakatan dalam kalangan pemimpin tempatan yang terdiri daripada berbilang kaum. Kerjasama mereka ini telah melahirkan negara yang aman damai.



Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau *Communities Liaison Committee* (CLC) merupakan titik permulaan kerjasama kaum di Persekutuan Tanah Melayu. Hal ini menunjukkan UMNO dan pertubuhan-pertubuhan lain sedia berbincang untuk mewujudkan perpaduan kaum.

TAHUKAH ANDA?

- Pertubuhan-pertubuhan lain yang terlibat dalam CLC ialah Pertubuhan Ceylon Malaya dan MCA.

unit_06.indd 80 6/25/15 4:18 PM



Permuafakatan dalam kalangan kaum diteruskan sehingga kini. Masyarakat berbilang kaum hidup bersatu padu dan bersama-sama mempertahankan kedaulatan negara. Melalui permuafakatan, setiap perkara dapat diselesaikan dan perselisihan dapat dielakkan. Permuafakatan juga menjamin keharmonian negara dapat dipelihara sehingga ke hari ini.



Permuafakatan dalam kalangan kaum di Persekutuan Tanah Melayu dapat dilihat semasa Pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan 1955. Parti Perikatan yang terdiri daripada parti UMNO, MCA dan MIC telah mencapai kemenangan dalam pilihanraya tersebut. Parti Perikatan telah menubuhkan kerajaan. Kerjasama kaum ini merupakan cara terbaik untuk membuahkan kejayaan negara kita. Berikutan itu Parti Perikatan telah mengambil langkah untuk mengadakan rundingan kemerdekaan dengan British.

- Jelaskan kepentingan penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum.
- Nyatakan situasi yang menunjukkan permuafakatan berlaku dalam kalangan rakan anda.

Secara berkumpulan, cari maklumat parti-parti yang bertanding dalam Pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami permuafakatan yang wujud dalam proses mencapai kemerdekaan.

7.3.1
7.3.3
K7.3.6

unit_06.indd 81 6/25/15 4:18 PM

Pemulihan

Sambutan Hari Kemerdekaan

Pada setiap tahun, Hari Kemerdekaan disambut dengan tema yang berbeza. Pelbagai persiapan dilakukan bagi merayakan hari tersebut sebagai tanda cinta akan negara.



Stadium Merdeka dibina sebagai tempat menyambut Hari Kemerdekaan.



Dendangan lagu kebangsaan dan patriotik di radio.



Perarakan semasa sambutan Hari Kemerdekaan.



Pemasangan kain rentang bercorak bunga kebangsaan pada bangunan.



Mengibarkan bendera pada bangunan dan tempat kediaman.



- Nyatakan persiapan menyambut Hari Kemerdekaan.
- Pada pendapat anda, apakah acara yang boleh dimasukkan dalam sambutan Hari Kemerdekaan pada masa-masa akan datang?

Lukis poster yang bertemakan Hari Kemerdekaan.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami sambutan Hari Kemerdekaan.
- Bantu murid memahami persiapan menyambut Hari Kemerdekaan.

K 7.3.4
K7.3.7

unit_06.indd 82 6/25/15 4:18 PM

Penilaian

Fikir dan Jawab



A. Tulis jawapan yang betul bagi pernyataan di bawah.

	Pernyataan	Jawapan
1	Pemimpin yang berjuang secara aktif untuk mendapatkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.	
2	Pertubuhan politik ini terdiri daripada parti UMNO, MCA dan MIC.	
3	Pemimpin ini mengetuai Parti Perikatan yang berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan.	
4	Negeri ini menjadi tempat pengisytiharan tarikh kemerdekaan.	
5	Rombongan Kemerdekaan menuju ke negara ini untuk mengadakan rundingan kemerdekaan.	
6	Pengisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu diadakan di tempat ini.	
7	Langkah yang diambil bagi menghadapi ancaman komunis.	
8	Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk membentuk kerjasama antara kaum di Persekutuan Tanah Melayu.	
9	Pemimpin ini merupakan pengasas UMNO.	
10	Bendera yang dinaikkan pada malam 30 Ogos 1957.	

NOTA GURU

- Bimbing murid menjawab soalan.

unit_06.indd 83 6/25/15 4:18 PM

Penilaian

Fikir dan Jawab



B. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

1. Dato' Onn Ja'afar merupakan pemimpin yang membantah pelaksanaan _____.
2. _____ menjadi asas dalam rundingan kemerdekaan.
3. Tunku Abdul Rahman telah dilantik sebagai _____ selepas Pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.
4. _____ telah ditamatkan pada tahun 1960.
5. _____ merupakan pemimpin yang mengisytiharkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.
6. _____ telah memenangi Pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.
7. _____ London diadakan untuk mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu.
8. _____ pergi ke London untuk berunding bagi mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu.
9. Laungan _____ sebanyak tujuh kali disambut oleh rakyat dengan penuh semangat.
10. _____ dipasang sebagai persiapan menyambut Hari Kemerdekaan.

NOTA GURU

- Bantu murid menjawab soalan.
- Bimbing murid merumuskan pengorbanan dan perjuangan tokoh-tokoh negara dalam mendapatkan kemerdekaan.

unit_06.indd 84 6/25/15 4:18 PM

Tajuk 3: Yang di-Pertuan Agong

UNIT 7

Rangsangan

YANG DI-PERTUAN AGONG PAYUNG NEGARA






THE SUNDAY TIMES

AN HOUR OF HISTORY IN POLL FOR PARAMOUNT RULER

SPECIAL MESSENGERS RUSH RESULT TO RAHMAN, MacGILLIVRAY

NEGRI RULER NAMED 'KING'

Eight votes to one against in ballot: Sultan of Selangor deputy

HIS MAJESTY
The Yang di-Pertuan Agong

A reform call to Queen by peer

British tanks roll into rebel area

Live Modern!
Pick the Pack that Suits You Best!

$80,000 WINNER
Johore man wins Jackpot



NOTA GURU

- Bimbing murid meneliti gambar dan tajuk-tajuk akhbar di atas.
- Minta murid menceritakan apa yang mereka tahu tentang Yang di-Pertuan Agong.

unit_07.indd 85 6/25/15 4:25 PM

Konsep

Kaedah Pemilihan Yang di-Pertuan Agong

Apabila negara kita mencapai kemerdekaan, institusi Yang di-Pertuan Agong diwujudkan. Kedudukan baginda sebagai Ketua Utama Negara termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

1. Pelantikan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara dibuat oleh Majlis Raja-Raja melalui pemilihan yang unik.
2. Yang di-Pertuan Agong dipilih secara bergilir-gilir dan memegang jawatan tersebut selama lima tahun.
3. Pelantikan tersebut dibuat melalui undian sulit oleh sembilan orang Raja-raja Melayu.
4. Majlis Raja-Raja akan mengisytiharkan pelantikan tersebut.
5. Dalam istiadat pertabalan, Yang di-Pertuan Agong akan melafaz dan menandatangani sumpah jawatan Yang di-Pertuan Agong.



Majlis Raja-Raja

TAHUKAH ANDA?

- Pelantikan secara sistem giliran ini tidak terdapat di mana-mana negara yang mengamalkan sistem beraja di dunia ini.
- Majlis Raja-Raja ialah sebuah majlis yang dianggotai oleh sembilan Raja-raja Melayu dan empat orang Yang di-Pertua Negeri.

Ceritakan cara pelantikan Yang di-Pertuan Agong.

Secara kreatif, bina carta alir cara pelantikan Yang di-Pertuan Agong. Pamerkan di Sudut Sejarah.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara.

8.1.1
8.1.2
K8.1.6

unit_07.indd 86 6/25/15 4:25 PM

Konsep

Adat Dijunjung, Istiadat Disanjung

Adat isitiadat pertabalan melambangkan kedaulatan dan keagungan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara.



1 Yang di-Pertuan Agong melafazkan sumpah memegang jawatan.



2 Yang di-Pertuan Agong menandatangani surat sumpah memegang jawatan.



3 Yang di-Pertuan Agong menyerahkan surat sumpah pelantikan kepada Perdana Menteri.



4 Yang di-Pertuan Agong mengucup keris sebagai tanda menerima amanah sebagai Ketua Utama Negara.

Sebagai rakyat, kita patut menghormati institusi Yang di-Pertuan Agong sebagai tonggak pemerintahan dan perpaduan negara.

TAHUKAH ANDA?

- Pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-14 pada tahun 2012, telah melakar sejarah baru negara. Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah pernah ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong Kelima pada 1970.

Jelaskan adat istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong.

Hasilkan pohon bergambar adat istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong. Pamerkan di Sudut Sejarah.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami adat istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara.

8.1.1
8.1.2
K8.1.7

unit_07.indd 87 6/25/15 4:25 PM

Pengukuhan

Raja Berdaulat

Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara mempunyai bidang kuasa tertentu dalam sistem pemerintahan di negara kita. Menurut perlembagaan Malaysia, bidang kuasa yang di-Pertuan Agong merangkumi perundangan, pentadbiran dan kehakiman. Oleh itu, penting bagi kita menyanjung Yang di-Pertuan Agong sebagai pemimpin utama negara.

BIDANG KUASA YANG DI-PERTUAN AGONG



Ketua agama Islam bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja.



Melantik Perdana Menteri dan anggota kabinet.



Memanggil, membuka, menangguhkan dan membubarkan Parlimen.



Melantik Yang di-Pertua Negeri.

unit_07.indd 88 6/25/15 4:25 PM



Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia.



Mentauliahkan duta-duta negara.



Mengurniakan Darjah Kebesaran Negara.



Menerima duta-duta dari luar negara.

Senaraikan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong.

TAHUKAH ANDA?

- Tauliah ialah surat pelantikan menjadi wakil.



Dengan menggunakan pelbagai sumber, cari gambar dan maklumat tentang Raja Permaisuri Agong yang terkini.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong.
- Bantu murid mencari gambar dan maklumat Raja Permaisuri Agong yang terkini.

8.1.3
K 8.1.7

unit_07.indd 89 6/25/15 4:25 PM

Pengayaan



Alat Kebesaran Diraja

Lambang kemegahan dan kebanggaan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara dapat diperlihatkan melalui pakaian, alat kebesaran, adat istiadat, warna diraja dan bahasa istana. Pakaian kebesaran Diraja ini merupakan warisan negara sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka.



Tengkolok Diraja

Tengkolok Diraja merupakan pakaian kebesaran Raja-raja Melayu. Tengkolok ini diperbuat daripada kain yang ditenun dengan sutera yang diikat di ulunya. Tengkolok Yang di-Pertuan Agong berwarna hitam bersulamkan benang emas. Solek atau ikatannya dinamakan Dendam Tak Sudah.



Muskat

Muskat merupakan pakaian rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Baju ini dipakai dalam majlis rasmi seperti Istiadat Kebesaran Diraja dan juga sewaktu pertabalan. Muskat yang berasal dari negeri Kedah diperbuat daripada benang bulu berwarna hitam yang dijahit dengan sulaman benang emas. Terdapat sulaman bunga raya yang melambangkan bunga kebangsaan.





Keris Pendek Diraja

Keris ini diperbuat daripada mata keris lama. Hulu keris ini bersarung gading yang bertatahkan emas.

unit_07.indd 90 6/25/15 4:25 PM



Keris Panjang Diraja
Keris ini merupakan alat kebesaran utama dalam istiadat pertabalan. Dari hulu keris hingga ke sarungnya bersalut emas. Mata keris ini ditempa daripada besi waja yang diambil daripada sebelas bilah keris di Negeri-negeri dalam Persekutuan Tanah Melayu.



Pending Diraja
Pending merupakan hiasan pada tali pinggang atau bengkung. Pending ini diperbuat daripada emas sepuluh mutu, bertatahkan dan bersulamkan permata delima.





Gandik Raja
Gandik (Pemeles) dipakai oleh Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dalam istiadat kebesaran Diraja dan juga sewaktu pertabalan. Gandik diperbuat daripada emas putih bertatahkan permata berlian. Terdapat anak bulan dan bintang di tengah-tengahnya.



Kalung Diraja
Kalung atau rantai leher ini dipakai oleh Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Kalung ini diperbuat daripada emas putih bertatahkan permata berlian. Rantai ini boleh dipisahkan menjadi sepasang subang dan kerongsang.

unit_07.indd 91 6/25/15 4:25 PM

Alat Kebesaran



Cogan Agama

Alat ini merupakan lambang Kebesaran Kerajaan Malaysia. Alat ini diperbuat daripada perak berupa sebatang tongkat bulat berkepala besar. Terdapat lambang bulan dan bintang pecah lima yang diperbuat daripada emas di atas kepala tongkat. Pada batangnya terdapat ayat-ayat suci al-Quran.



Cogan Alam

Alat ini diperbuat daripada perak berupa suatu bulatan di atas hulu tongkat. Terdapat anak bulan dan bintang pada bulatan tersebut. Di sekelilingnya terdapat lambang sebelas Negeri-negeri di Malaysia. Terdapat empat ekor harimau di bawahnya dan pada batangnya terdapat enam tangkai padi.



Cokmar

Alat ini merupakan dua batang tongkat pendek berhulukan kubah merupakan alat perang zaman dahulu. Cokmar diperbuat daripada perak.

unit_07.indd 92 6/25/15 4:25 PM



Pedang, Keris Panjang dan Sundang Diraja

Alat ini merupakan tiga jenis senjata Melayu lama yang diperbuat daripada mata pedang, keris panjang dan sundang zaman purbakala. Keris panjang dan sundang disalut dengan perak dan terdapat ukiran pada hulu dan sarungnya.



Tombak Berambu

Terdapat 20 batang tombak yang diperbuat daripada tombak pusaka sebelas negeri di Malaysia.



Payung Ubur-ubur Kuning

Terdapat 20 kaki payung yang diperbuat daripada kain sutera berwarna kuning, iaitu warna yang dikhaskan sebagai lambang kebesaran Raja-raja Melayu. Terdapat anak bulan dan bintang pada puncak payung tersebut.

Nyatakan kepentingan alat-alat kebesaran diraja.
Mengapakah alat kebesaran ini perlu dikekalkan? Berikan alasan anda.

Secara kreatif, reka cipta alat kebesaran menggunakan akhbar lama. Pamerkan di Sudut Sejarah.

NOTA GURU

- Bimbing murid mendapatkan maklumat tambahan tentang bahasa istana.

8.1.4
K8.1.6

unit_07.indd 93 6/25/15 4:25 PM

Pemulihan

Daulat Tuanku!

Sejak merdeka, seramai empat belas orang Yang di-Pertuan Agong telah dilantik secara bergilir-gilir sebagai Ketua Utama Negara. Sebagai pemerintah, Yang di-Pertuan Agong telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman, makmur dan harmoni. Oleh itu, kita perlu taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong.



Tuanku Hisamuddin Alam Shah
(Selangor)
April - September 1960



Tuanku Abdul Rahman
(Negeri Sembilan)
1957-1960





Tuanku Mizan Zainal Abidin
(Terengganu)
2006 -2011



Tuanku Syed Sirajuddin
(Perlis) 2001-2006



Tuanku Abdul Halim
Mu'adzam Shah,
(Kedah) 2011 hingga kini

Mengapakah kita perlu taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong?

unit_07.indd 94 6/25/15 4:25 PM



Tuanku Syed Putra
(Perlis)
1960-1965



Tuanku Ismail
Nasiruddin Shah
(Terengganu) 1965-1970



Tuanku Abdul Halim
Mu'adzam Shah
(Kedah) 1970-1975



Tuanku Yahya Petra
(Kelantan) 1975-1979





Tuanku Ahmad Shah
(Pahang)
1979-1984



Tuanku Iskandar
(Johor)
1984-1989



Tuanku Azlan
Muhibbudin Shah
(Perak)
1989-1994



Tuanku Ja'afar
(Negeri Sembilan)
1994-1999



Tuanku Salahuddin
Abdul Aziz Shah
(Selangor) 1999-2001



Secara kreatif, hasilkan poster pohon bergambar Yang di-Pertuan Agong bersama-sama dengan Raja Permaisuri Agong pertama sehingga kini.

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenali Yang di-Pertuan Agong pertama hingga kini.
- Bantu murid mencari gambar dan mengenali Raja Permaisuri Agong pertama hingga kini.

8.1.2
8.1.3
8.1.4
K8.1.6
K8.1.7

unit_07.indd 95 6/25/15 4:25 PM

Pemulihan

Stesen Ilmu

Cara Bermain

1. Permainan ini dijalankan secara berkumpulan.
2. Ketua kumpulan akan mengambil urutan stesen ilmu daripada guru.
3. Apabila muzik dimainkan, setiap kumpulan akan bergerak mengikut stesen yang telah ditetapkan.
4. Mereka perlu menjawab soalan yang disediakan di stesen tersebut.
5. Apabila muzik dihentikan, setiap kumpulan akan bergerak ke stesen yang seterusnya.
6. Permainan diteruskan sehingga semua soalan di setiap stesen dijawab oleh setiap kumpulan.
7. Kumpulan yang berjaya menjawab kesemua soalan dalam masa yang ditetapkan adalah pemenang.



Stesen 1

1. Yang di-Pertuan Agong ialah_____.
2. Yang di-Pertuan Agong dipilih secara _____ untuk memegang jawatan tersebut
3. Tempoh Yang di-Pertuan Agong memegang jawatan tersebut selama _____ tahun.

unit_07.indd 96 6/25/15 4:25 PM

Stesen 2

1. Pemilihan Yang di-Pertuan Agong adalah secara undian _____.
2. Pemilihan baginda dibuat dalam kalangan _____.
3. Bilangan Raja-raja Melayu yang layak dipilih untuk menjadi Yang di-Pertuan Agong ialah seramai _____ orang.



Stesen 3

1. _____ akan mengisytiharkan persetujuan pelantikan Yang di-Pertuan Agong.
2. Istiadat _____ melambangkan kedaulatan Yang di-Pertuan Agong.
3. Yang di-Pertuan Agong pertama ialah _____.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami keunikan institusi Yang di-Pertuan Agong.
- Tambah soalan lain yang sesuai jika perlu.

unit_07.indd 97 6/25/15 4:25 PM

Pemulihan

Menghormati Pemimpin

Pemimpin yang hebat dapat mewujudkan keamanan, kemajuan, keharmonian dan perpaduan dalam negara. Oleh itu, kita perlu menghormati para pemimpin negara kita.



- Mengapakah kita perlu menghargai pemimpin negara kita?
- Bagaimanakah anda menghormati pemimpin di sekolah?

Pilih seorang pemimpin negara. Hasilkan sebuah album.

Contoh:

Alatan



Cara Membuat

1. Gunting dan lipat kertas warna supaya sama saiz.



2. Lekatkan gambar dan tulis maklumat tentang pemimpin tersebut pada bahagian dalam kertas.



3. Susun kertas secara berlapis. Ikat dengan reben.





4. Album yang telah siap.

NOTA GURU

- Bimbing murid mencari gambar atau contoh keratan akhbar tentang usaha pemimpin negara kita meletakkan nama Malaysia di persada dunia.
- Bimbing murid memahami kepentingan menghormati pemimpin negara dengan menggunakan peta buih.

8.1.1
K8.1.7

unit_07.indd 98 6/25/15 4:25 PM

Penilaian

Fikir dan Jawab

A. Jawab semua soalan.

1. Insitusi Yang di-Pertuan Agong merupakan _____ negara kita.
2. Yang di-Pertuan Agong melantik Perdana Menteri dan anggota _____.
3. Yang di-Pertuan Agong berkuasa _____ duta-duta negara.
4. Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa mengurniakan Darjah _____ Negara.
5. Dalam Angkatan Tentera Malaysia, Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa sebagai pemerintah _____ .
6. Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa untuk membubarkan _____ .
7. Gandik Raja juga dikenali sebagai _____ .
8. Pending Diraja merupakan hiasan pada tali pinggang atau _____.
9. Cogan Agama merupakan sebahagian daripada lambang kebesaran kerajaan _____.
10. Alat-alat kebesaran melambangkan _____ seseorang pemerintah.

MENTAULIAHKAN

KABINET KEBESARAN

IDENTITI TERTINGGI

PARLIMEN BENGKUNG

PEMELES MALAYSIA

KEMEGAHAN





NOTA GURU

- Bimbing murid menjawab soalan.

unit_07.indd 99 6/25/15 4:25 PM

Penilaian

Fikir dan Jawab

B. Cari alat-alat kebesaran diraja dalam gambar di bawah.



TAMAT





















MULA

Kawan-kawan, bantulah saya mencari alat-alat kebesaran diraja.

NOTA GURU

- Bimbing murid mencari alat kebesaran diraja.
- Bimbing murid merumuskan kepentingan menghormati institusi Yang di-Pertuan Agong.

unit_07.indd 100 6/25/15 4:25 PM

Tajuk 4: Identiti Negara Kita

UNIT 8

Rangsangan

JATA NEGARA



NOTA GURU

- Bimbing murid mengenali simbol Jata Negara pada dokumen-dokumen rasmi dan bangunan pentadbiran negara.

unit_08.indd 101 6/29/15 1:08 PM

Konsep

Jata Negara



Jata Negara merupakan identiti negara Malaysia yang telah diperkenankan oleh Raja-raja Melayu. Lambang-lambang pada Jata Negara merupakan perlambangan Negeri-negeri di Malaysia. Jata Negara menjadi kemegahan seluruh rakyat Malaysia.

Sebagai warganegara yang bertanggungjawab, kita perlu memahami dan menghayati makna lambang-lambang pada Jata Negara. Kita juga mestilah menghormati Jata Negara sebagai lambang permuafakatan.



- Bintang dan bulan sabit mewakili Islam sebagai Agama Persekutuan.
- Bintang pecah 14 menandakan 13 buah negeri dan sebuah Wilayah Persekutuan dalam Malaysia.

- Warna kuning pada awan-awan ialah warna diraja bagi Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-raja.
- Terdapat cogan kata, "Bersekutu Bertambah Mutu" yang ditulis dalam tulisan Rumi dan Jawi.



unit_08.indd 102 6/29/15 1:08 PM



Lima bilah keris mewakili negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor.



Terdapat empat warna mewakili bendera negeri-negeri seperti yang berikut.

Warna Bendera	Negeri
Hitam, Putih dan Kuning	Perak
Merah dan Kuning	Selangor
Hitam dan Putih	Pahang
Merah, Hitam dan Kuning	Negeri Sembilan



Harimau sebagai lambang keberanian.

Pokok Pinang mewakili Negeri Pulau Pinang.





Pokok Melaka mewakili Negeri Melaka.



Dua jata di bahagian bawah perisai menandakan:
- Negeri Sabah di sebelah kiri
- Negeri Sarawak di sebelah kanan

Bunga Raya, iaitu bunga kebangsaan terletak di bucu perisai.

TAHUKAH ANDA?

- Empat buah negeri yang diwakili oleh warna bendera pernah menjadi Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
- Lima buah negeri yang diwakili oleh keris pernah menjadi Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.



Surih, warna dan labelkan Jata Negara. Lekatkan pada buku latihan anda.

- Apakah kepentingan Jata Negara?
- Senaraikan lambang-lambang yang ada pada Jata Negara.

NOTA GURU

- Bimbing murid menyurih Jata Negara dan mewarnakannya. Jata Negara yang siap diwarnakan hendaklah ditampal dalam buku latihan.

9.1.1 9.1.2 9.1.3 K9.1.4 K9.1.5 K.9.1.6

unit_08.indd 103 6/29/15 1:08 PM

Pengayaan

Bersekutu Bertambah Mutu

Cogan kata “Bersekutu Bertambah Mutu” seperti yang tertera pada Jata Negara menyeru seluruh warganegara untuk bermuafakat. Pembentukan Malaysia yang gemilang adalah disebabkan wujudnya kerjasama dan permuafakatan antara pemimpin dengan pemimpin dan antara pemimpin dengan rakyat. Permuafakatan ini wajar kita contohi.



- Mengapakah pemimpin dan rakyat perlu bersepakat dalam membangunkan negara?
- Bagaimanakah anda bersepakat dalam mengharumkan nama sekolah anda?

unit_08.indd 104 6/29/15 1:08 PM



Secara berkumpulan, buat rakaman aktiviti pemimpin bersama-sama dengan masyarakat di tempat anda. Pertontonkan rakaman anda.

NOTA GURU

- Bimbing murid membuat rakaman aktiviti kemasyarakatan yang melibatkan pemimpin di tempat mereka.

PK 9.1.3
K9.1.5
K9.1.6

unit_08.indd 105 6/29/15 1:08 PM

Kerjasama Masyarakat



Kajian Kes

Masalah	:	• Pemimpin yang dihormati ialah pemimpin yang mengamalkan nilai murni. Bincangkan.
Tajuk Kajian Kes	:	• Pemimpin yang Berjaya
Objektif Kajian	:	• Menghargai jasa pemimpin • Menghargai sumbangan pemimpin • Mencontohi nilai kepimpinan pemimpin
Nilai Kepimpinan yang Baik	:	• Kerjasama • Tolong-menolong • Prihatin • Toleransi
Rujukan/Sumber	:	• Buku • Majalah • Internet • Surat khabar • Orang sumber
Kaedah	:	• Temu bual • Pemerhatian • Kajian perpustakaan
Laporan Kajian	:	• Dilakukan secara berkumpulan • Dihasilkan dalam bentuk: - Folio - Laporan - Buku skrap



NOTA GURU

- Bantu murid membuat kajian kes.
- Berikan tempoh yang sesuai untuk menyiapkan kajian kes ini.

unit_08.indd 106 6/29/15 1:08 PM

Pemulihan

Jata Negara Lambang Kemegahan

Jata Negara merupakan lambang kemegahan negara kita. Jata Negara diletakkan pada bangunan rasmi dan pejabat-pejabat kerajaan serta digunakan dalam pelbagai urusan rasmi dan dokumen penting negara.

















Mengapakah kita perlu menghormati Jata Negara?

Hasilkan peta bulatan bergambar yang menunjukkan Jata Negara digunakan dalam urusan dan dokumen rasmi.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami kepentingan menghormati Jata Negara.
- Bimbing murid membina peta pemikiran mengenai kepentingan Jata Negara sebagai identiti negara.

KSSR
K9.1.4
K9.1.5

unit_08.indd 107 6/29/15 1:08 PM

Pemulihan

Harta Karun Jata Negara



Cara Bermain

1. Permainan ini dimainkan secara berkumpulan.
2. Sampul harta karun disembunyikan di sekitar dewan atau tempat perhimpunan sekolah.
3. Ketua kumpulan mengambil sampul surat yang mengandungi kertas warna daripada guru sebagai warna kumpulan.
4. Guru mengedarkan uncang harta karun yang mengandungi borang harta karun dan gam kepada setiap kumpulan.
5. Murid diberi masa selama 20 minit untuk mencari sampul harta karun yang sama dengan warna kumpulan mereka.
6. Setiap kumpulan hendaklah melengkapkan borang harta karun dengan melekatkan jawapan yang diperoleh daripada sampul harta karun.
7. Kumpulan yang telah melengkapkan borang harta karun hendaklah menghantarnya kepada guru.
8. Kumpulan yang dapat melengkapkan jawapan paling awal dan betul pada masa yang diberikan ialah pemenang.

unit_08.indd 108 6/29/15 1:08 PM



Contoh Borang Harta Karun

Sampul Harta Karun	Lambang	Makna Lambang
1.	Harimau	
2.	Lima bilah keris	
3.	Pokok Melaka	
4.	Bunga Raya	
5.	Pokok Pinang	
6.	Jata Negeri Sabah	
7.	Jata Negeri Sarawak	
8.	Bulan sabit dan bintang pecah empat belas	
9.	Empat jalur berwarna merah, hitam, putih dan kuning.	
10.	Warna kuning	
11.	Cogan kata pada Jata Negara	

NOTA GURU

- Perbanyak sampul borang harta karun mengikut kumpulan yang dibentuk.
- Berikan tempoh masa untuk murid menjalankan aktiviti.
- Minta murid menyatakan kepentingan memahami, menghayati dan menghormati Jata Negara berdasarkan aktiviti yang telah dijalankan.

9.1.1 9.1.2 9.1.3 K9.1.4 K9.1.5 K9.1.6

unit_08.indd 109 6/29/15 1:08 PM

Pemulihan

Jata Kemegahanku

Cari jata negeri di Malaysia. Hasilkan penanda buku. Jual penanda tersebut pada Hari Keusahawanan di sekolah anda.

Cara Membuat

Alatan





1 Tulis maklumat tentang jata negeri pada peta negeri tersebut.



2 Sapu gam pada batang aiskrim. Lekatkan peta dan jata negeri.



3 Penanda buku yang telah siap.

NOTA GURU

- Minta murid membuat penanda buku jata negeri dan mencari maksudnya.
- Galakkan mereka menjual penanda buku tersebut.

unit_08.indd 110 6/29/15 1:09 PM

Penilaian

Fikir dan Jawab

A. Jawab soalan dengan betul.

1. Mengapakah kita perlu berbangga dengan Jata Negara?
   a) Lambang kebesaran
   b) Tanda kecekapan pemerintah
   c) Diwartakan oleh Perdana Menteri
2. Mengapakah cogan kata pada Jata Negara ditulis dalam tulisan Jawi?
   a) Arahan pemerintah
   b) Warisan bangsa
   c) Kehebatan seni
3. Lambang-lambang pada Jata Negara mewakili _____.
   a) Prinsip Rukun Negara
   b) Negeri-negeri di Malaysia
   c) Alat-alat kebesaran negara
4. Lambang-lambang pada Jata Negara membuktikan _____ antara pemimpin dengan rakyat.
   a) tanggungjawab
   b) permuafakatan
   c) perpaduan
5. Simbol Islam sebagai Agama Persekutuan ialah _____.
   a) keris
   b) bunga raya
   c) bulan dan bintang
6. Bunga Raya melambangkan Bunga _____.
   a) Kebangsaan
   b) Perayaan
   c) Perpaduan
7. Harimau dalam Jata Negara melambangkan _____.
   a) kebijaksanaan
   b) keberanian
   c) kegagahan
8. Jata Negara dapat dilihat pada _____.
   a) surat tidak rasmi
   b) kad pengenalan
   c) rumah kediaman
9. Cogan kata Jata Negara Malaysia ialah _____.
   a) "Muafakat Membawa Berkat"
   b) "Bersekutu Bertambah Mutu"
   c) "Bersedia, Berkhidmat, Berbakti"
10. Cogan kata Jata Negara menyeru rakyat Malaysia untuk _____.
    a) berhemah tinggi
    b) bersopan santun
    c) bermuafakat

NOTA GURU

- Bimbing murid menjawab soalan.

unit_08.indd 111 6/29/15 1:09 PM

Penilaian

Fikir dan Jawab

B. Cari gambar yang menggambarkan lambang pada Jata Negara.



NOTA GURU

- Perbanyak halaman ini.
- Bimbing murid merumuskan kepentingan Jata Negara sebagai identiti negara.

unit_08.indd 112 6/29/15 1:09 PM

UNIT 9

Rangsangan

BENDERA BERKIBAR

Jalur Gemilang



Merahmu bara semangat waja
Putihmu bersih budi pekerti
Kuning berdaulat payung negara
Biru perpaduan kami semua

Puncak dunia telah kautawan
Lautan luas telah kauredah
Membawa semangat jiwa merdeka
Semarak jaya kami warganya
Empat belas melintang jalurnya
Semua negeri dalam Malaysia
Satu suara satu semangat
Itu sumpah warga berdaulat

Jalur gemilang... di bawah naunganmu
Jalur gemilang... kami semua bersatu
Perpaduan ketaatan
Amalan murni rakyat Malaysia
Jalur gemilang... megah kami terasa
Jalur gemilang... kibarkanlah wawasan
Merah putih biru kuning
Jalur semangat kami semua

Berkibarlah
Berkibarlah
Berkibarlah
Jalur Gemilang

Lagu: Suhaimi Mohd Zain
Seni Kata: Syed Indera Syed Omar



NOTA GURU

- Bimbing murid menyanyikan dan menghayati lagu *Jalur Gemilang*.
- Minta murid menyatakan perasaan mereka apabila melihat Jalur Gemilang berkibar.

Unit_09.indd 113 6/26/15 12:13 PM

Konsep

Lahirnya Bendera Negara Kita

Bendera ialah lambang kewujudan dan identiti sesebuah negara. Bendera kebangsaan kita dinamakan Jalur Gemilang. Nama tersebut telah diisytiharkan oleh Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia keempat pada tahun 1997, sempena Hari Kemerdekaan Malaysia ke-40. Penciptaan bendera negara kita bermula pada tahun 1948. Sebuah Jawatankuasa Khas telah diwujudkan bagi mengendalikan pertandingan mencipta bendera.



Unit_09.indd 114 6/26/15 12:13 PM

Biodata Encik Mohamed Hamzah

Encik Mohamed Hamzah dilahirkan di Singapura pada 5 Mac 1918. Beliau mendapat pendidikan awal di English College di Johor dan Raffles College di Singapura. Pada tahun 1939, beliau mengikuti kursus secara pos di Press Art School, Tudor Hall, Forest London. Beliau meninggal dunia pada 19 Februari 1993.



Encik Mohamed Hamzah



Bendera Persekutuan Tanah Melayu 1950



Bendera Persekutuan Tanah Melayu berkibar kali pertama di perkarangan Istana Sultan Selangor pada 26 Mei 1950. Upacara ini telah disaksikan oleh Raja-raja Melayu dan pegawai-pegawai British.

Beberapa pindaan telah dibuat terhadap rekaan Encik Mohamed Hamzah. Rekaan ini telah diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan setelah diperkenankan oleh Majlis Raja-raja Melayu pada tahun 1950.

Kini, Jalur Gemilang mempunyai 14 jalur yang melambangkan 13 buah negeri dan sebuah Wilayah Persekutuan dalam Malaysia.

- Siapakah yang mencipta bendera negara kita?
- Ceritakan sejarah penciptaan bendera negara kepada rakan sekelas anda.

TAHUKAH ANDA?

Encik Mohamed Hamzah telah diminta oleh Dato' Onn Ja'afar, Menteri Besar Johor untuk mencipta bendera dan menyertai pertandingan tersebut.

Secara berkumpulan, lakonkan proses penciptaan bendera kebangsaan bermula daripada pertandingan sehingga pemenangnya diumumkan.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami sejarah penciptaan bendera negara kita.
- Minta murid melakonkan proses penciptaan bendera kebangsaan secara kreatif. Persembahkan lakonan yang paling kreatif semasa Minggu Sejarah.

9.2.2
K9.2.8

Unit_09.indd 115 6/26/15 12:13 PM

Pengayaan

Makna Jalur Gemilang

Sebagai warganegara yang patriotik, kita perlu memahami dan menghayati makna dan lambang pada bendera kebangsaan kita.



Warna Kuning
Melambangkan kesetiaan rakyat kepada Raja dan negara.

Warna Biru
Melambangkan perpaduan rakyat yang hidup rukun dan damai.

Warna Putih
Melambangkan keluhuran dan keikhlasan.

Warna Merah
Melambangkan keberanian, kesanggupan, kegagahan dan kegigihan rakyat menghadapi cabaran.

14 Jalur
14 Jalur merujuk kepada gabungan 13 negeri dan sebuah Wilayah Persekutuan.



Bulan Sabit
Melambangkan Islam sebagai agama Persekutuan Malaysia.



Bintang Pecah 14
Melambangkan gabungan 13 negeri dan sebuah Wilayah Persekutuan.



Apakah maksud lambang-lambang pada bendera kebangsaan kita?



Secara berpasangan, reka cipta bendera untuk kelas anda. Berikan nama dan makna lambang pada bendera tersebut.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami dengan lebih jelas makna dan lambang pada Jalur Gemilang.
- Galakkan murid mereka cipta bendera secara kreatif menggunakan pelbagai bahan seperti pasir berwarna dan teknik seperti *kolam*.

PK 9.2.3
KK 9.2.8

Unit_09.indd 116 6/26/15 12:13 PM

Lukis Bendera Kita

Jalur Gemilang mempunyai ukuran standard yang telah ditetapkan agar corak bendera kita tidak mudah berubah dan sentiasa dihormati. Ukuran standard ialah 91.5 cm (3 kaki) lebar dan 183 cm (6 kaki) panjang. Nisbah yang betul bagi bendera Malaysia ialah 1:2. Inilah ukuran yang telah ditetapkan dan dibuat oleh Encik Mohamed Hamzah.

Ukuran Bendera Malaysia yang Betul





Mengapakah kita perlu membuat bendera dengan nisbah yang tepat?

Secara berkumpulan, hasilkan bendera kebangsaan mengikut nisbah yang tepat. Warnakan bendera tersebut.

NOTA GURU

- Bimbing murid menghasilkan Jalur Gemilang dengan nisbah yang tepat.

9.2.2
K9.2.7

Unit_09.indd 117 6/26/15 12:13 PM

Pengayaan

Berkibar Megah Jalur Gemilang

Kibaran Jalur Gemilang dapat menaikkan semangat patriotisme dan mengajak kita untuk terus berusaha meletakkan negara di persada dunia.



- Nyatakan sebab bendera kita dinamai Jalur Gemilang.
- Mengapakah kita perlu mengibarkan dan menghormati bendera kebangsaan?

Unit_09.indd 118 6/26/15 12:13 PM



Cari gambar-gambar yang menunjukkan Jalur Gemilang dikibarkan sebagai tanda kejayaan negara.

NOTA GURU

- Bimbing murid menjelaskan kepentingan Jalur Gemilang kepada rakyat Malaysia.

PJ 9.2.1
KJ 9.2.6
KJ 9.2.7
KJ 9.2.8

Unit_09.indd 119 6/26/15 12:13 PM

Pengayaan

Hormati Bendera Kita

Sebagai lambang kebesaran dan kedaulatan negara, bendera kebangsaan mestilah dihormati. Etika menaikkan dan menurunkan bendera merupakan satu cara kita menghormati bendera kebangsaan.

Etika Menaikkan dan Menurunkan Bendera Kebangsaan

- Hendaklah berpakaian kemas.
- Memastikan bendera tidak meleret ke tanah.
- Sebelum menaikkan bendera, pastikan bendera dalam keadaan baik.
- Uji tali bendera bagi memastikannya teguh dan tidak mudah putus.
- Menaikkan dan menurunkan bendera hendaklah dengan tertib secara perlahan-lahan.
- Apabila mengibarkan bendera separuh tiang, bendera hendaklah dinaikkan sepenuhnya dahulu dan kemudian diturunkan ke separuh tiang semula.
- Bendera hendaklah ditatang atau diletakkan di bahu apabila sampai ke bawah.

TAHUKAH ANDA?

- Bendera yang koyak dan telah bertukar warna dianggap bendera yang lusuh. Bendera ini perlu dilupuskan secara sopan. Caranya adalah dengan membakarnya secara tertutup.
- Bendera dikibarkan separuh tiang sebagai tanda berkabung.

- Mengapakah kita perlu mengikut etika menaikkan atau menurunkan bendera?
- Bagaimanakah cara memusnahkan bendera yang lusuh secara bersopan?

Simulasikan etika menaikkan dan menurunkan bendera kebangsaan di sekolah anda.

NOTA GURU

- Bimbing murid melakukan simulasi etika menaikkan dan menurunkan bendera kebangsaan di sekolah anda.

9.2.4
K9.2.7

Unit_09.indd 120 6/26/15 12:13 PM

Pengayaan

Identiti Serantau

Setiap negara mempunyai bendera kebangsaan untuk menunjukkan kedaulatan negara mereka. Kita sewajarnya menghormati bendera kebangsaan negara lain.



Bendera Kebangsaan Negara-negara di Asia Tenggara

- Mengapakah setiap negara perlu mempunyai bendera?
- Bagaimanakah perasaan anda apabila melihat bendera kita dikibarkan pada peringkat antarabangsa?



Pilih satu bendera dari mana-mana negara di Asia Tenggara. Cari makna lambang pada bendera tersebut.



NOTA GURU

- Bimbing murid mengenali bendera negara-negara di Asia Tenggara.

9.2.5
K9.2.7

Unit_09.indd 121 6/26/15 12:13 PM

Pemulihan

Kuiz Jalur Gemilang



Cara Bermain

1. Dimainkan secara berkumpulan.
2. Kumpulan pertama akan memilih soalan untuk dijawab.
3. Sekiranya gagal menjawab, soalan tersebut akan dibuka kepada ahli kumpulan kedua atau ketiga.
4. Kuiz diteruskan mengikut langkah di atas.
5. Kumpulan yang mendapat markah tertinggi dianggap sebagai pemenang.

1 Bulan sabit dikaitkan dengan
a) Agama Islam
b) Bahasa Melayu
c) Raja-raja Melayu

2 Nama bendera kebangsaan Malaysia
a) Malaysiaku Terbilang
b) Jalur Gemilang
c) Jalur Nusa Gemilang

3 Siapakah yang mencipta bendera kebangsaan kita?
a) Encik Ahmad Bakhtiar
b) Encik Saiful Bahri
c) Encik Mohamed Hamzah

4 Padanan warna dan maksud yang manakah di bawah ini yang paling tepat?
a) Merah - kedaulatan
b) Biru - perpaduan
c) Putih - kegigihan



5 Di manakah bendera Persekutuan Tanah Melayu dikibarkan buat kali pertama?
a) Kelab Sultan Sulaiman
b) Perkarangan Istana Sultan Selangor
c) Dataran Merdeka

6 Bagaimanakah etika mengibarkan bendera separuh tiang?
a) Bendera dinaikkan sepenuhnya dahulu, kemudian diturunkan separuh tiang.
b) Bendera dinaikkan ke separuh tiang sahaja.
c) Bendera dinaikkan sepertiga tiang sahaja, kemudian diturunkan sedikit.

NOTA GURU

- Bersama-sama dengan murid, bina beberapa soalan kuiz lagi untuk mengukuhkan pemahaman.

Unit_09.indd 122 6/26/15 12:13 PM

Penilaian

Fikir dan Jawab

A. Jawab soalan dengan betul.

Situasi 1

Mei Mei ingin membuat bendera Malaysia. Apakah ukuran dan nisbah yang tepat untuk membuat bendera Malaysia?

Situasi 2

Suresh melukis Jalur Gemilang dengan bilangan jalur dan pecahan pada bintang tanpa mengikut bilangan yang tepat. Berapakah bilangan jalur dan pecahan bintang yang tepat pada Jalur Gemilang?

Situasi 3

Usu Embak diarahkan untuk menaikkan bendera separuh tiang. Apakah yang sepatutnya dilakukan oleh Usu Embak?

Situasi 4

Kristolin membiarkan bendera meleret ke tanah sewaktu dia menurunkannya. Apakah yang sepatutnya dilakukan oleh Kristolin apabila menurunkan bendera?

Situasi 5

Bendera di rumah Afiq telah lusuh. Apakah tatacara untuk memusnahkan bendera tersebut?

Situasi 6

Malhi memakai baju kemeja-T ketika menaikkan bendera. Apakah yang sepatutnya dipakai oleh Malhi ketika menaikkan bendera?



NOTA GURU

- Bimbing murid menjawab soalan.

Unit_09.indd 123 6/26/15 12:13 PM

Penilaian

Fikir dan Jawab

B. Susun peristiwa penciptaan bendera kebangsaan mengikut urutan yang betul.

Peristiwa	Susun mengikut urutan
• Jawatankuasa Khas menerima 373 ciptaan bendera.	_____
• Tiga reka bentuk bendera dipilih pada peringkat akhir pertandingan.	_____
• Jawatankuasa Khas ditubuhkan bagi membuat perakuan reka bentuk bendera.	_____
• Rekaan ini telah diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja.	_____
• Penambahbaikan dilakukan pada bendera ciptaan Encik Mohamed Hamzah.	_____
• Bendera Persekutuan Tanah Melayu dikibar pada pertama kalinya di perkarangan Istana Sultan Selangor.	_____
• Reka bentuk oleh Encik Mohamed Hamzah telah dipilih bagi memenangi pertandingan ini.	_____



C. Jawab soalan berikut.

Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk menghormati bendera kebangsaan kita?

_____

_____

_____

NOTA GURU

- Bimbing murid menjawab soalan.
- Bimbing murid menyusun peristiwa mengikut kronologi yang betul.
- Minta murid merumuskan kepentingan menghormati bendera kebangsaan sebagai lambang negara.

Unit_09.indd 124 6/26/15 12:13 PM

UNIT 10

Rangsangan

NEGARAKU



NEGARAKU

Negaraku
Tanah tumpahnya darahku
Rakyat hidup
Bersatu dan maju
Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan
Raja kita
Selamat bertakhta
Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan
Raja kita
Selamat bertakhta

NOTA GURU

- Berdasarkan seni kata lagu, bimbing murid menyanyikan lagu *Negaraku* dengan betul.

unit_10.indd 125 6/29/15 1:06 PM

Konsep

Lagu Kebanggaanku

Idea untuk mencipta lagu kebangsaan lahir di kediaman Tunku Abdul Rahman sempena sambutan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.



- Apakah kepentingan lagu kebangsaan?
- Ceritakan sejarah penciptaan lagu kebangsaan.

unit_10.indd 126 6/29/15 1:06 PM

2 Betul kata Dato' Abdul Razak. Setiap negara yang merdeka mempunyai lagu sendiri. Kita sudah mengadakan pertandingan mencipta lagu kebangsaan. Walau bagaimanapun, panel hakim mendapati tiada lagu yang sesuai untuk dijadikan lagu kebangsaan.

3 Oh, Encik Tan Cheng Lock jangan bimbang! Saya telah mencadangkan lagu rasmi negeri Perak, iaitu Terang Bulan dipilih menjadi lagu kebangsaan dan Majlis Raja-Raja Melayu telah bersetuju. Lagu kebangsaan dikenali dengan nama *Negaraku*.

4 Baguslah masalah ini telah berjaya diselesaikan. Akhirnya, kita mempunyai sebuah lagu kebangsaan. Encik Dol Ramli, bagaimanakah dengan seni kata lagu tersebut?



Alfonso Soliano



Saiful Bahri

5 Begini Encik V.T. Sambanthan, saya akan minta Encik Saiful Bahri menggubah semula lirik lagu tersebut. Skor muziknya kita minta Encik Alfonso Soliano buat. Saya akan serahkan kepada Tunku sebelum diperdengarkan pada 31 Ogos 1957.

Kaji sejarah lagu sekolah anda. Nyatakan nama pencipta, penulis lirik lagu dan maksud lirik lagu tersebut.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami sejarah penciptaan lagu *Negaraku* dan maksud lagu kebangsaan Malaysia.

9.3.1.
9.3.2
K9.3.6

unit_10.indd 127 6/29/15 1:06 PM

Pengukuhan

Negaraku Identitiku



Sitisarahblogspot.com

Lagu kebangsaan merupakan identiti dan kebanggaan sesebuah negara. Oleh itu, kita perlu memahami lirik dan maksud lagu kebangsaan.



Rakyat perlu menunjukkan kesetiaan yang tidak berbelah bagi kepada Raja dan negara.



Setiap rakyat harus berpegang teguh kepada ajaran agama dan taat kepada Tuhan.

LAGU NEGARAKU

Negaraku
Tanah tumpahnya darahku
Rakyat hidup
Bersatu dan maju
Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan
Raja kita
Selamat bertakhta
Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan
Raja kita
Selamat bertakhta

Maksud seni kata lagu *Negaraku*:

- Memohon rahmat dan perlindungan daripada Tuhan untuk Raja supaya selamat memerintah negara.
- Menyeru rakyat dari pelbagai kaum dan agama supaya bersatu padu dan berkorban untuk negara.
- Berdoa kepada Tuhan untuk keselamatan negara.

unit_10.indd 128 6/29/15 1:06 PM



Melambangkan cita-cita, hasrat dan harapan rakyat Malaysia yang bersatu dan maju.

Rakyat Malaysia yang berbilang kaum hidup bersatu padu dan berusaha mencapai kejayaan.





Rakyat Malaysia perlu sentiasa bersyukur kerana dilahirkan dalam sebuah negara yang aman dan damai.

- Nyatakan maksud seni kata lagu *Negaraku*.
- Nyatakan cara anda menunjukkan taat setia kepada negara.

Tulis semula seni kata lagu *Negaraku* secara kreatif.

NOTA GURU

- Jelaskan maksud seni kata lagu *Negaraku* kepada murid.

9.3.3
9.3.5
K.9.4.8

unit_10.indd 129 6/29/15 1:06 PM

Pengayaan

Etika Menyanyikan Lagu *Negaraku*

Lagu kebangsaan perlu dinyanyikan dengan etika yang betul untuk membentuk disiplin dan jati diri. Yang berikut merupakan etika yang betul semasa menyanyikan lagu *Negaraku*.

Berdiri tegak.

Kedua-dua belah tangan diletakkan ke sisi dan diluruskan ke bawah.

Kedua-dua belah kaki dirapatkan.

Bagi Orang Kurang Upaya (OKU) yang berkerusi roda, kepala mesti tegak, mata memandang bendera, kedua-dua tangan di atas paha dan kaki dirapatkan.



Nyanyikan lagu *Negaraku*:
- secara serentak
- secara jelas
- menyebut seni kata lagu dengan betul
- bersemangat
- menghayati seni kata lagu
- tidak bermain-main semasa menyanyi

Bagi yang datang lewat semasa perhimpunan mingguan sekolah, mereka hendaklah meletakkan beg di sisi kaki dan berdiri tegak.

TAHUKAH ANDA?

Sekiranya anda tidak menghormati lagu *Negaraku*, anda boleh didenda tidak melebihi RM100.00 atau penjara tidak melebihi satu bulan.

Mengapakah kita mesti menyanyikan lagu *Negaraku* dengan cara yang betul?

Nyanyikan lagu *Negaraku* mengikut etika yang betul.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami etika menyanyikan lagu Negaraku.
- Bawa murid ke tempat perhimpunan dan minta mereka menyanyikan Lagu Negaraku mengikut etika yang betul.

9.3.4
K9.4.6
K9.4.7
K9.4.8

unit_10.indd 130 6/29/15 1:06 PM

Pengayaan

Lagu Kebangsaan Membentuk Jati Diri

Lagu kebangsaan berjaya menyatukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Lagu *Negaraku* menyerlahkan semangat patriotik, bersyukur, berusaha mencapai kemajuan dan taat setia kepada Raja dan negara.

Pembentukan Jati Diri

Taat dan setia kepada Raja.



Meningkatkan semangat patriotik.



Memupuk perpaduan dan keharmonian.



Sentiasa berusaha untuk memajukan diri sendiri.



- Bagaimanakah lagu kebangsaan berjaya membentuk jati diri anda?
- Mengapakah kita perlu sentiasa bersyukur dalam kehidupan?

Cari gambar yang menunjukkan jati diri rakyat Malaysia. Bincangkan.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami peranan lagu kebangsaan dalam membentuk jati diri.

PJK 9.3.5 K9.3.6 K9.3.8

unit_10.indd 131 6/29/15 1:06 PM

Pemulihan

Tanah Airku

Cara Bermain

1. Permainan ini dimainkan secara berkumpulan.
2. Tentukan giliran pemain secara undian.
3. Pemain yang tiba di petak yang mengandungi soalan hendaklah menjawabnya.
4. Jika jawapannya betul, pemain akan bergerak satu petak ke hadapan.
5. Jika jawapannya salah, pemain akan hilang satu giliran.
6. Pemain yang tiba di petak yang mempunyai petunjuk hendaklah mengikut arahan yang diberikan.
7. Setiap kumpulan perlu menjawab semua soalan.



50
51
52
Jawab soalan yang masih belum dijawab oleh ahli kumpulan anda.
53
49
Sebutkan salah satu cara lagu kebangsaan dapat membentuk jati diri.
48
47
34
35
Bagaimanakah lagu kebangsaan dapat membentuk jati diri?
36
33
Sebutkan baris pertama lagu Negaraku.
32
Undur ke petak 28.
31
18
Siapakah yang menggubah semula seni kata lagu Negaraku?
19
20
Nyatakan salah satu maksud seni kata lagu kebangsaan.
21
17
16
Siapakah yang membuat skor lagu Negaraku?
15
1
2
3
4

unit_10.indd 132 6/29/15 1:06 PM



54

55 Nyanyikan lagu *Negaraku* mengikut etika yang betul.

56

46

45 Apakah akibat jika tidak menghormati lagu kebangsaan?

44

43 Undur ke petak 1.

42

37

38 Maju ke petak 48.

39 Nyatakan etika yang perlu dipatuhi oleh murid OKU berkerusi roda ketika menyanyikan lagu *Negaraku*.

40

41 Apakah peranan Saiful Bahri?

29

28

27

30 Sebutkan dua etika menyanyikan lagu *Negaraku*.

26 Mengapakah lagu kebangsaan perlu dinyanyikan mengikut etika yang betul?

23

24 Maju ke petak 34.

25

22

14

13 Maju ke petak 19.

12

11

10 Lengkapkan seni kata ini "Rahmat..."

9

5 Sebutkan nama asal lagu *Negaraku*.

6

7 Maju ke petak 12.

8

NOTA GURU

- Tetapkan tempoh masa untuk murid bermain.
- Bimbing murid memberikan jawapan.
- Jelaskan kepentingan menghormati dan mengetahui sejarah lagu *Negaraku*.

unit_10.indd 133 6/29/15 1:07 PM

Pemulihan

Hormati Lagu Kebangsaan

Lagu kebangsaan merupakan simbol kebanggaan dan kedaulatan negara. Kesetiaan dan perpaduan boleh dipupuk dengan menghayati lagu kebangsaan walau di mana juga. Oleh itu, kita mesti menghormati lagu kebangsaan pada setiap masa.



Lagu kebangsaan diperdengarkan semasa sambutan Hari Kemerdekaan.

Lagu kebangsaan diperdengarkan dalam upacara rasmi pada peringkat antarabangsa.



Selain contoh di atas, senaraikan situasi lain yang memerlukan lagu kebangsaan diperdengarkan.

Secara berkumpulan, cadangkan cara menyedarkan masyarakat supaya menghormati lagu kebangsaan. Bentangkan cadangan kumpulan.

NOTA GURU

- Bimbing murid menghormati lagu kebangsaan dalam pelbagai situasi.
- Bantu murid menyenaraikan situasi lain yang memerlukan lagu kebangsaan dimainkan.

PJ 3.5
KPJ 3.7

unit_10.indd 134 6/29/15 1:07 PM

Penilaian

Fikir dan Jawab

A. Teliti gambar di bawah. Jawab soalan yang diberikan.



Etika menyanyikan lagu *Negaraku*.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____
6. _____
7. _____

NOTA GURU

- Bimbing murid menjawab soalan.
- Bimbing murid mengenal pasti perbuatan yang tidak beretika semasa menyanyikan lagu *Negaraku*.

unit_10.indd 135 6/29/15 1:07 PM

Penilaian

Fikir dan Jawab

B. Lengkapkan tempat bernombor dengan jawapan yang betul.

Setiap negara mempunyai lagu kebangsaan. Lagu kebangsaan negara Malaysia ialah __(1)__. Lagu kebangsaan dinyanyikan dan diperdengarkan dalam setiap acara __(2)__ .

Sebulan sebelum Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, Ketua Menteri pada ketika itu, iaitu __(3)__ telah mencadangkan supaya __(4)__ diadakan. Panel hakim mendapati tiada sebuah lagu pun yang sesuai untuk dijadikan lagu kebangsaan. Tunku Abdul Rahman memilih lagu kebesaran negeri __(5)__ yang bernama __(6)__ menjadi lagu kebangsaan.

Etika yang betul ketika menyanyikan lagu kebangsaan ialah __(7)__ dengan kedua-dua belah kaki dirapatkan. Orang kurang upaya yang menggunakan kerusi roda hendaklah duduk dan __(8)__ mereka di atas paha. Individu yang tidak menghormati lagu kebangsaan dikenakan hukuman __(9)__ tidak melebihi RM100 atau __(10)__ tidak melebihi satu bulan.

Nombor	Jawapan	Nombor	Jawapan
	Tunku Abdul Rahman		Perak
	denda		pertandingan mencipta lagu kebangsaan
	Terang Bulan		*Negaraku*
	berdiri tegak		rasmi
	penjara		meletakkan kedua-dua tangan

NOTA GURU

- Bimbing murid menjawab soalan.
- Bimbing murid merumuskan kepentingan menghormati lagu kebangsaan sebagai lambang identiti negara.

unit_10.indd 136 6/29/15 1:07 PM

Tajuk 4: Identiti Negara Kita

UNIT 12

BUNGA KEBANGSAAN

Rangsangan



NOTA GURU

- Minta murid meneliti gambar dan bercerita tentang bunga raya.

unit_12.indd 149 6/26/15 1:39 PM

Konsep

Bunga Kebangsaan Malaysia



1 Nama saya Bunga Raya. Saya berwarna merah dan mempunyai lima kelopak. Saya ialah Bunga Kebangsaan Malaysia. Inilah perjalanan saya menjadi Bunga Kebangsaan Malaysia.

2 Pada tahun 1958, Kementerian Pertanian telah mencadangkan saya, Bunga Kenanga, Bunga Melur, Bunga Teratai, Bunga Mawar, Bunga Cempaka dan Bunga Tanjung untuk dipilih menjadi bunga kebangsaan. Akhirnya, saya yang terpilih.





3 Saya dipilih kerana mempunyai banyak keistimewaan, iaitu:

- Berbunga sepanjang tahun
- Mudah ditanam
- Ditanam sebagai pokok hiasan
- Dikenali dengan satu nama sahaja di seluruh negara
- Boleh didapati di merata tempat di negara ini

TAHUKAH ANDA?

- Terdapat hampir 300 jenis bunga raya di seluruh dunia.

unit_12.indd 150 6/26/15 1:39 PM

4 Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah mengisytiharkan saya sebagai bunga kebangsaan pada 28 Julai 1960.



5 Apabila Malaysia dibentuk, saya terus kekal digunakan sebagai bunga kebangsaan.

- Senaraikan nama bunga lain yang telah dicadangkan sebagai bunga kebangsaan.
- Andaikan anda sekuntum bunga raya, apakah perasaan anda apabila dipilih sebagai bunga kebangsaan? Berikan alasan.

Hasilkan poster bertemakan bunga raya sebagai lambang perpaduan. Pamerkan poster tersebut di Sudut Sejarah.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami sejarah pemilihan bunga raya sebagai bunga kebangsaan Malaysia.
- Pertandingan melukis poster boleh dijadikan sebagai salah satu aktiviti semasa Minggu Sejarah di sekolah.

PK 9.5.1
KK 9.5.6
KK 9.5.5

unit_12.indd 151 6/26/15 1:39 PM

Pengukuhan

Merahnya Warnaku



Bunga raya merupakan bunga yang unik. Warna merah pada kelopak bunga raya melambangkan keberanian menempuh cabaran. Selain itu, warna merah juga melambangkan keteguhan pentadbiran, ekonomi dan perpaduan negara kita. Secara tidak langsung, keharmonian dalam kalangan masyarakat dapat dipupuk. Sebagai warganegara yang bertanggungjawab, kita mesti menghormati bunga kebangsaan negara kita.



Keteguhan Pentadbiran



Keharmonian



Keteguhan Ekonomi



Perpaduan



Berani Menempuh Cabaran

Jelaskan makna warna merah pada bunga kebangsaan.

Kenal pasti kegunaan bunga raya dalam kehidupan harian.

NOTA GURU

- Bimbing murid mengetahui kegunaan lain bunga raya dalam kehidupan harian.

9.5.2
K9.5.5
K9.5.6
K9.5.7

unit_12.indd 152 6/26/15 1:39 PM

Pengukuhan

Diriku Lambang Negara

Sejak saya diisytiharkan sebagai bunga kebangsaan, saya telah digunakan dalam pelbagai urusan rasmi. Sebagai simbol kemegahan rakyat Malaysia, saya turut dijadikan sebagai logo, hiasan dan dijadikan nama pada bangunan.



Jata Negara



Muskat Yang di-Pertuan Agong



Mata wang



Kompleks Bunga Raya

Mengapakah Bunga Raya digunakan dalam urusan rasmi negara?

Hasilkan lakaran bunga raya menggunakan teknik gosokan pada duit syiling.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami keunikan bunga raya sebagai alat untuk mempamerkan simbol negara.
- Bantu murid menghasilkan lakaran bunga raya menggunakan teknik gosokan dengan warna merah. Pamerkan lakaran tersebut di Sudut Sejarah.

9.5.2
K9.5.5

unit_12.indd 153 6/26/15 1:39 PM

Pengayaan



Aku Lambang Perpaduan

Kelopak saya melambangkan perpaduan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, selaras dengan prinsip Rukun Negara. Rukun Negara menjadi ideologi yang dipegang oleh seluruh rakyat Malaysia. Ideologi ini menanamkan nilai-nilai murni bagi mewujudkan perpaduan.



Bunga Kebangsaan dan Prinsip Rukun Negara

- Apakah kaitan bunga raya dengan Rukun Negara?
- Mengapakah kita perlu mengekalkan perpaduan dan keharmonian?

TAHUKAH ANDA?

- Ideologi bermaksud satu fahaman atau pegangan.

unit_12.indd 154 6/26/15 1:39 PM

Selain itu, bunga raya menggambarkan kerukunan hidup rakyat Malaysia. Oleh itu, kita mesti mendukung aspirasi bunga kebangsaan dalam mengekalkan perpaduan. Amalan rakyat Malaysia terhadap prinsip. Rukun Negara boleh melahirkan kerukunan dan perpaduan dalam masyarakat.









Secara berkumpulan, cari keratan akhbar berkaitan dengan perpaduan kaum. Hasilkan album bermaklumat dan pamerkan di Sudut Sejarah.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami perkaitan antara bunga raya dan prinsip Rukun Negara.
- Bantu murid mencari maklumat berkaitan dengan usaha memupuk dan mengekalkan perpaduan kaum.

PK 9.5.3
KK 9.5.5
KK 9.5.6
KK 9.5.7

unit_12.indd 155 6/26/15 1:39 PM

Pengayaan

Sahabatku di Asia Tenggara

Selamat datang ke Pameran Bunga Kebangsaan Negara-negara Asia Tenggara. Setiap negara memiliki bunga kebangsaan masing-masing.

Sahabatku

Indonesia



Anggerik Bulan

Thailand



Ratchaphruek

Brunei



Simpur

unit_12.indd 156 6/26/15 1:39 PM

di Asia Tenggara

Myanmar



Paduak

Filipina



Sampaguita

Singapura



Anggerik Vanda Miss Joaquim

Kemboja



Rumdul

Laos



Dok Champa

Vietnam



Lotus

- Mengapakah sesebuah negara yang merdeka memerlukan bunga kebangsaan?
- Namakan bunga kebangsaan negara-negara di Asia Tenggara.

Secara berkumpulan, cadangkan bunga rasmi bagi sekolah anda. Berikan alasan.

NOTA GURU

- Bimbing murid untuk mencari maklumat bunga kebangsaan negara-negara di Asia Tenggara.

PJ 9.5.4
KP 5.5.6

unit_12.indd 157 6/26/15 1:39 PM

Pemulihan

Bunga Kebangsaan Kebanggaan Kita

Cara Bermain

1. Permainan ini dimainkan secara berkumpulan.
2. Setiap kumpulan diberi markah permulaan sebanyak 100 markah.
3. Setiap ahli kumpulan berbaris dalam kumpulan masing-masing.
4. Setiap ahli kumpulan secara bergilir-gilir akan menjawab soalan yang diberikan.
5. Jika jawapannya betul, ahli kumpulan tersebut kekal dalam barisan.
6. Jika jawapannya salah, ahli kumpulan tersebut akan keluar dari barisan selangkah ke kanan atau ke kiri.
7. Soalan yang salah dan soalan yang mempunyai lebih daripada satu jawapan boleh disoal semula pada pusingan yang seterusnya.
8. Sepuluh markah akan diberikan kepada jawapan yang betul. Lima markah akan ditolak jika jawapan yang diberikan salah.
9. Kumpulan yang mengumpul markah tertinggi ialah pemenang.



Mengapakah bunga raya dipilih sebagai bunga kebangsaan Malaysia?

Apakah kepentingan bunga kebangsaan kepada sesebuah negara?

Mengapakah bunga raya menjadi alat perpaduan bagi masyarakat Malaysia yang berbilang kaum?

Sebutkan satu nama bunga kebangsaan bagi mana-mana negara di Asia Tenggara.

Apakah maksud warna merah pada bunga raya?

Namakan sejenis bunga di Malaysia yang telah dicadangkan untuk dijadikan bunga kebangsaan.

NOTA GURU

- Berikan tempoh masa untuk murid bermain.
- Tambah soalan lain jika perlu.
- Bimbing murid memahami kepentingan bunga raya sebagai bunga kebangsaan.

unit_12.indd 158 6/26/15 1:39 PM

Penilaian

Fikir dan Jawab

A. Lengkapkan rajah di bawah dengan jawapan yang betul.

Bunga Raya Sebagai Bunga Kebangsaan



Sejarah Pemilihan

Kaitan dengan Prinsip Rukun Negara

Makna Warna Merah

Kegunaan

NOTA GURU

- Bimbing murid menjawab soalan.

unit_12.indd 159 6/26/15 1:39 PM

Penilaian

Fikir dan Jawab

B. Lengkapkan dialog di bawah.



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj | perpaduan | kerukunan | rakyat | logo dan hiasan | bunga kebangsaan | simbol kemegahan | keberanian | prinsip Rukun Negara

NOTA GURU

- Bimbing murid melengkapkan dialog yang diberikan.
- Bimbing murid merumuskan bunga raya sebagai bunga kebangsaan.

unit_12.indd 160 6/26/15 1:39 PM

Senarai Rujukan

A. Samad Ahmad, 1986. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abd. Manaf Haji Ahmad, 2009. *Kontrak Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abdul Rashid Melebek dan Amat Juhari Moain, 2006. *Sejarah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abdullah Ishak, 1990. *Islam di Nusantara (Khususnya di Tanah Melayu)*. Selangor: Al-Rahmaniah Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia.

Abdullah Zakaria Ghazali, 2000. "Penjahat-penjahat Hapus Semuanya, Kehidupan Kita Tidak Terganggu: Kempen Membanteras Komunis di Kalangan Orang Melayu". *Malaya in History/ Malaysia in History dan Malaysia dari Segi Sejarah*. Bil. 28.

Ahmad Fawzi Mohd Basri. "Kerajaan Negeri Melayu Tidak Bersekutu Tahun 1914. Satu Perbandingan Mengenai Perjawatan dan Organisasi Pentadbiran" dlm. *MIA*, Vol. XXI,No.1, 1978.

Ahmad Kamal Arifin, 2001. "Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur, 1952", dlm. Muhammad Redzuan Othman *et al*. (ed.). *Jendela Masa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Amarjit Kaur, 1991. "Semenanjung Tanah Melayu pada Abad ke-19: Satu Tinjauan Ekonomi" dlm. Jawatankuasa Kolokium (Peny.) *Masyarakat Melayu Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Amidah Hamim, 1995. *Bendera Kita*. Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia.

Amidah Hamim, 2002. *Siri Pengetahuan Am. Bendera, Lambang, Lagu Kebangsaan dan Lagu-lagu Kebesaran Negeri-Negeri di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia.

Andaya, Barbara Watson dan Andaya, Leonard Yuzon, 1983. *Sejarah Malaysia*. Petaling Jaya: MacMillan Pulisher (M).

Asmah Haji Omar, 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azizah Mokhzani, 2011. *Tiang Seri Negara, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Semenjak 1957*. Kuala Lumpur: Arus Intelek.

Azmah Abdul Manaf, 2001. *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Barber, Noel, 1971. *The War of the Running Dogs*. London: Collins.

Butcher, John G, 1979. *The British in Malaya 1880-1941*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Chai Hon Chan, 1967. *The Development of British Malaya,1896-1909*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Cheah Boon Kheng, 1982. *Komrad Bertopeng: Suatu Kajian Mengenai Barisan Bersatu Komunis di Tanah Melayu 1945-1948*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Cheah Boon Kheng, 1983. *Red Star Over Malaya. Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation, 1941-1946*. Singapura: Singapore University Press.

Cheah Boon Kheng, 2006. *To' Janggut: Legends, Histories and Perceptions of the 1915 Rebellion in Kelantan.* Singapura: Singapore University Press.

Chin Peng, 2003. *Alias Chin Peng: My Side of History*. Singapura: Media Masters Pte. Ltd.

Comber, Leon, 2011. *Peristiwa 13 Mei. Sejarah Perhubungan Melayu-Cina*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.

Cowan, Charles Donald, 1961. *Nineteenth-Century Malaya: The Origin of British Political Control*. London: Oxford University Press.

Emerson, Rupert, 1937. *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Goh Cheng Teik, 1971. *The May Thirteenth Incident and Democracy in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Heussler, Robert, 1981. *British Rule in Malaya: The Malayan Civil Service and Its Predecessors, 1867-1942*. Oxford, Clio Press.

Ho Hui Ling, 2004. *Darurat 1948-1960. Keadaan Sosial di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ishak Saat, 2005. *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Ishak Saat, 2009. *Malaysia 1945-2000*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors, Sdn. Bhd.

Ismail Hussein, 1981. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jabatan Warisan Negara, 2006. *Menjunjung Kasih, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong*. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara.

Kassim Thukiman, 2002. *Malaysia: Perspektif Sejarah dan Politik*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Khoo Kay Kim, 1972. *The Western Malay States 1850-1873. The Effects of Commercial Development on Malay Politics*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. dlm.

Khoo Kay Kim. "Malay Society 1914-1920s". JSEAS, 5:2, Mac 1974.

Kratoska, Paul H. 1998. *The Japanese Occupation of Malaya 1941-1945*. United Kingdom: C Hurst & Co (Publishers) Ltd.

Kua Kia Soong, 2007. *May 13*. Kuala Lumpur: Polar Vista Sdn. Bhd.

Lee Kam Hing, 1982. "MCA dalam Peralihan 1956-1959" dlm. *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

senarai rujukan.indd 161 6/29/15 2:14 PM

Loh Fok Seng, Philip, 1969. *The Malay States 1877-95. Political Change and Social Policy*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
Mahayudin Haji Yahaya, 1998. *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Malaysia Royal Album Publication Committee, 1994. *The Malaysia Monarchy*. Kuala Lumpur: Royal Album Publication Committee.
Mansor Mohd Noor *et al*., 2006. *Hubungan Etnik di Malaysia*. Petaling Jaya: Pearson Prentice Hall.
Mauzy, K. Diane, 1983. *Barisan National; Coalition Government in Malaysia*. Kuala Lumpur: Marican and Sons.
Milner, Anthony, 2008. *The Malays*. United Kingdom: Wiley-Blackwell.
Mohd. Reduan Haji Asli, 1993. *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Muhammad Isa Othman, 2002. *Sejarah Malaysia (1800-1963)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
Muhammad Yusoff Hashim, 1989. *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Nik Anuar Nik Mahmud, 1998. *Tunku Abdul Rahman and His Role in the Baling Talks A Documentary History*. Kuala Lumpur: Memorial Tunku Abdul Rahman, Arkib Negara Malaysia.
Nik Anuar Nik Mahmud, 1999. *Tok Janggut, Pejuang atau Penderhaka*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
Nik Safiah Karim, 2004. *Bahasa Melayu Sedekad Lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
P. Sivarajan dan S. Malar Arasi, 2012. *Sejarah Sosio Ekonomi Malaysia Sehingga 1970*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
Purcell, Victor, 1948. *The Chinese in Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
Ramlah Adam, 1992. *Dato' Onn Jaafar, Pengasas Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Ramlah Adam, 1999. *Sumbanganmu Dikenang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Ramlah Adam, 2003. *Pejuang-pejuang Kemerdekaan*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
Rozilah Katan, 2007. *Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIII: Raja Berperlembagaan*. Kuala Lumpur. Jabatan Penerangan Malaysia.
Runciman, Steven, 1960. *The White Rajah: A History of Sarawak from 1841-1946*. London: Cambridge University Press.
Sabihah Osman, "The Development of Malay Vernacular Education in Sarawak 1841-1941" dlm. *JEBAT Bil*.14, 1986.
Saifullah Mohd Sawi dan Samsu Adabi Mamat, 2009. *Sejarah dan Tamadun Islam di Asia Tenggara*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
Shamsudin Jaafar, 1988. *Wajah: Biografi Penulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Shamsudin Jaafar, 2005. *Wajah: Biografi Penulis*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Shariff Ahmad, 2000. *Tun Razak, Putera Titiwangsa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
Shellabear, W.G., 1991. *Sejarah Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
Sivachandralingam Sundara Raja *et al*., 2008. *Sejarah Masih Relevan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd., 1979.
Stockwell, A.J. "British Policy and Malay Politics During The Malayan Union Experiment 1942-1948 dlm. *MBRAS, Monograph Bil*. 8, 1980.
Sulaiman Zakaria, 1993. *Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Mutiara.
Syed Husin Ali, 2008. *Orang Melayu Masalah dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Buku Harakah.
Tan Ding Eing, 1987. *Sejarah Malaysia dan Singapura*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
Tunku Abdul Rahman,1980. *Pandang Balik*. Kuala Lumpur. Heinemen Educational Books.
Wan Hashim Wan Teh, 1991. *DYMM Sultan Azlan Shah, Biografi Bergambar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Zakiah Hanum, 1997. *Maka Merdekalah Negara Kita, 31 Ogos 1957, 5 Safar 1377*. Kuala Lumpur: Adhicipta (M).
Zulhilmi Paidi dan Rohani Ab. Ghani, 2003. *Pendidikan Negara Bangsa*. Betong: PTS Publication and Distributors Sdn. Bhd.

Portal rasmi Kerajaan

www.airforce.gov.my
www.arkib.gov.my
www.istananegara.gov.my
www.majlisraja-raja.gov.my.
www.malaysia.gov.my

senarai rujukan.indd 162 6/29/15 2:14 PM